

MONOGRAF PENYELIDIKAN



KAJIAN SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KOPERASI



MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

KAJIAN SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KOPERASI

HJ. RAMLAN KAMSIN
DR. HJH. JAMILAH DIN
MOHD ZAIB MAT YUNUS
KASIM YUSOF
MOHD SHAHRON ANUAR SAID

2008

© Maktab Koperasi Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Maktab Koperasi Malaysia.

Perpustakaan Negara

Kajian Sumber Dan Penggunaan Dana Koperasi

ISSN 1823-4844

Diterbitkan oleh:

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Maktab Koperasi Malaysia

103, Jalan Templer

46700 Petaling Jaya

Selangor

Tel: 03-79649000 Faks:03-79567882

www.mkm.edu.my

Disunting Oleh:

Hj. Ramlan Kamsin

Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi

Azmaliza Arifin

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan koperasi bagi memperoleh sumber dan penggunaan dana. Kajian ini juga mengenal pasti pulangan aktiviti dan pelaburan yang memberi hasil yang paling lumayan serta pengagihan keuntungan koperasi. Hasil kajian ini akan memberi maklumat asas kepada perancang dan pembuat dasar khususnya pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di samping membantu mereka yang terlibat untuk membuat perancangan dan mengambil tindakan berdasarkan penemuan hasil kajian. Di samping itu, penemuan hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh koperasi yang baru ditubuhkan untuk melihat tren atau kecenderungan koperasi memperoleh sumber dan penggunaan dana serta perolehan pendapatan dan pembahagian keuntungan.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata dan sebanyak 1648 borang soal selidik telah diposkan kepada koperasi yang dipilih. Sejumlah 274 responden (17%) telah mengembalikan borang soal selidik berserta laporan kewangan masing-masing. Kajian ini juga melibatkan lebih 249 koperasi yang berusia lebih dari 10 tahun dan sebanyak 25 koperasi berusia antara 4 hingga 10 tahun.

Secara amnya, kajian ini menunjukkan bahawa majoriti (*median*) koperasi yang terlibat dalam kajian memperoleh sebanyak 83 peratus sumber dana adalah dari sumber dalaman berbanding sebanyak 17 peratus merupakan dana luaran. Sepanjang tempoh kajian, didapati peratusan dana yang diperolehi

dari sumber luaran telah meningkat khususnya bagi koperasi fungsi perumahan, perladangan, pembinaan dan pengangkutan. Ini menunjukkan bahawa responden menggunakan dana luaran untuk mengembangkan aktiviti perniagaannya.

Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti 274 koperasi memperoleh sumber dana dalaman dari modal syer yang disumbangkan oleh anggota di samping dari Kumpulan Wang Rizab dan modal yuran. Walau bagaimanapun koperasi cenderung memperoleh sumber dana luaran dari pembiayaan institusi kewangan dan simpanan anggota. Kajian juga mendapati bilangan koperasi yang menggunakan kemudahan pembiayaan dari Tabung Modal Pusingan (TMP) telah meningkat sepanjang tempoh kajian. Koperasi yang mempunyai fungsi pengangkutan merupakan peminjam TMP terbanyak diikuti oleh koperasi fungsi perumahan. Koperasi fungsi perindustrian dalam kajian ini pula tidak menggunakan langsung kemudahan ini.

Kajian ini menunjukkan kecenderungan koperasi menggunakan dana untuk membiayai pelaburan aset berbanding aktiviti ekonomi lain khususnya bagi koperasi fungsi perladangan, perumahan, pengguna dan pengangkutan. Sepanjang tempoh kajian, didapati penggunaan dana untuk perbelanjaan aktiviti adalah berkurangan berbanding penggunaan untuk pelaburan aset yang meningkat tetapi tidak begitu ketara. Selain itu, bilangan koperasi yang melabur dalam pembelian aset tetap juga telah meningkat dengan nisbah pulangan atas aset menunjukkan pulangan yang tinggi. Ini menandakan bahawa koperasi dapat menghasilkan pulangan yang tinggi untuk setiap ringgit pelaburan dalam aset koperasi. Kajian ini juga menunjukkan majoriti pulangan tertinggi dari penggunaan dana tertumpu kepada aktiviti kontrak, perumahan dan perladangan. Bagaimanapun, pulangan paling tinggi adalah dari aktiviti perladangan diikuti kontrak dan perkhidmatan. Sementara pembahagian keuntungan pula majoriti koperasi membahagikan keuntungannya untuk memberi dividen syer kepada anggota diikuti honorarium kepada Lembaga dan pembahagian kumpulan wang anggota. Bagaimanapun

pengagihan dividen yuran merupakan peruntukan pembahagian keuntungan terbesar sehingga ada koperasi yang memperuntukkan lebih RM100 ribu untuk pemberian dividen ini.

Kumpulan Penyelidik :

Hj. Ramlan Kamsin

Dr. Hjh. Jamilah Din

Mohd Zaib Mat Yunus

Kasim Yusof

Mohd Shahron Anuar Said

Penyelidikan ini disiapkan dalam tahun 2008.

ISI KANDUNGAN		
		Halaman
Abstrak		iii
Senarai Jadual		viii
Senarai Rajah		x
Senarai Singkatan Perkataan		xi
BAB 1 PENGENALAN		
1.0	Latar belakang Kajian	1
1.1	Penyataan Masalah	2
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Kepentingan Kajian	3
1.4	Definisi	4
1.5	Skop dan Batas Kajian	6
BAB 2 SOROTAN KAJIAN		
2.1	Koperasi	7
2.2	Teori Pengurusan Dana	10
2.3	Teori Pertumbuhan	10
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Kerangka Kajian	13
3.2	Kaedah Pensampelan Data	14
3.3	Instrumen Kajian	15
3.4	Kutipan Data	16
3.5	Kaedah Analisa Data	16
BAB 4 PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
4.0	Pengenalan	17
4.1	Hasil Kajian	20
4.1.1	Sumber Dana Koperasi	20
4.1.2	Penggunaan Dana	33
4.1.3	Pendapatan Aktiviti	39

	4.1.4 Pembahagian Untung Bersih	44
4.2	Perbincangan	52
BAB 5 KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan Kajian	60
	5.2.1 Sumber Dana	60
	5.2.2 Kecenderungan Penggunaan Dana Koperasi	61
	5.2.3 Perolehan Pendapatan Koperasi	62
	5.2.4 Kecenderungan Pengagihan Keuntungan Koperasi	63
	5.2.5 Pulangan yang diperoleh berbanding dana yang dimiliki	64
5.3	Kepentingan Kajian	65
	5.3.1 Koperasi	65
	5.3.2 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	68
	5.3.3 Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	69
5.4	CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG	71
	5.4.1 Kajian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi peningkatan sumbangan anggota terhadap dana koperasi	71
	5.4.2 Kajian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi mobilisasi dana koperasi	71
	5.4.3 Kajian kesan penggunaan dana TMP terhadap kejayaan koperasi	72
BIBLIOGRAFI		

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
3.1	Statistik Populasi dan Responden Kajian	15
4.1	Statistik Koperasi di Malaysia Bagi tahun 2004 hingga tahun 2007	18
4.2	Statistik Koperasi di Malaysia Mengikut Fungsi	19
4.3	Dana Koperasi Mengikut Sumber Bagi Tahun 2003	21
4.4	Dana Koperasi Mengikut Sumber Bagi Tahun 2004	22
4.5	Dana Koperasi Mengikut Sumber Bagi Tahun 2005	22
4.6	Peratus Pemilikan Dana Dalam Koperasi Bagi tahun 2003 hingga tahun 2005	23
4.7	Penglibatan Pemilikan Dana Dalam Koperasi Bagi tahun 2003 hingga tahun 2005	25
4.8	Penglibatan Pemilikan Dana Koperasi Bagi Tahun 2005	26
4.9	Julat Pemilikan Dana Dalam Bagi Tahun 2005 Mengikut Fungsi Koperasi	27
4.10	Penglibatan Pemilikan Dana Luaran Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005	28
4.11	Penglibatan Pemilikan Dana Luaran Koperasi Bagi Tahun 2005	28
4.12	Penglibatan Koperasi dalam Tabung Modal Pusingan Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005 Mengikut Fungsi	29

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
4.13	Peratusan Dana Dalaman Bagi Tahun 2005 Mengikut Fungsi Koperasi	31
4.14	Peratusan Dana Luaran Bagi Tahun 2005 Mengikut Fungsi Koperasi	32
4.15	Penglibatan Pemilikan Pelaburan Aset Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005	36
4.16	Penglibatan Pemilikan Pelaburan Aset Koperasi Bagi Tahun 2005	37
4.17	Penglibatan Aktiviti Ekonomi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005	37
4.18	Penglibatan Aktiviti Ekonomi Koperasi Bagi Tahun 2005	38
4.19	Penggunaan Data untuk Aktiviti Ekonomi 2005 Mengikut Fungsi	39
4.20	Penglibatan Koperasi dalam Pendapatan Aktiviti Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005	41
4.21	Penglibatan Koperasi Dalam Pendapatan Aktiviti Bagi Tahun 2005	42
4.22	Pulangan Pendapatan Tertinggi Aktiviti Koperasi Bagi Tahun 2005 (median)	43
4.23	Julat Untung Rugi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005	44

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
4.24	Untung Rugi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga 2005	45
4.25	Peratus Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2003	47
4.26	Peratus Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2004	48
4.27	Peratus Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2005	49
4.28	Bilangan Koperasi Mengikut Julat Pengagihan Dividen Yuran 2005 Berdasarkan Fungsi	50
4.29	Bilangan Koperasi Mengikut Julat Pengagihan Dividen Yuran 2004 Berdasarkan Fungsi	51
4.30	Bilangan Koperasi Mengikut Julat Pengagihan Dividen Yuran 2003 Berdasarkan Fungsi	51

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
3.1	Model Mobilisasi Dana Koperasi	13
4.1	Komposisi Dana Dalam dan Luaran Tahun 2003 hingga 2005	24
4.2	Komposisi Penggunaan Dana Koperasi 2003	34
4.3	Komposisi Penggunaan Dana Koperasi 2003 hingga 2005	34
4.4	Prestasi Untung Rugi Koperasi 2003 hingga 2005	46

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

Singkatan	Keterangan
ALK	Anggota Lembaga Koperasi
DKN	Dasar Koperasi Negara
ICA	International Cooperative Alliance
ILO	International Labour Office
JPK	Jabatan Pembangunan Koperasi
JAD	Jawatankuasa Audit Dalaman
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MKM	Maktab Koperasi Malaysia
MeCD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
NPL	Non Performance Loan
ROA	Returned of Asset
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
TMP	Tabung Modal Pusingan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Bab 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Koperasi merupakan institusi ekonomi-sosial yang menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dalam masyarakat. Penubuhan koperasi merupakan pelengkap kepada perkhidmatan yang tidak dapat disediakan kepada golongan tertentu berikutan kekurangan dana atau batasan kedudukan geografi. Menurut sumber Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) 2005, penglibatan anggota koperasi seramai 5.4 juta orang, jumlah syer/yuran berjumlah RM6.5 bilion dan aset bernilai RM32 bilion menunjukkan bahawa gerakan koperasi boleh menjadi satu kekuatan yang dapat mengubah sesuatu industri atau sektor.

Menurut sumber Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) tahun 2005, JPK telah mengeluarkan pinjaman berjumlah di antara RM7.9 juta sehingga RM34.5 juta pada tahun 2001 hingga 2005 dari Tabung Modal Pusingan (TMP). TMP telah mendapat peruntukan tambahan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 sebanyak RM60.5 juta. Dana ini dijangka akan mendapat tambahan sebanyak RM50 juta untuk dua tahun pertama (2006 dan 2007) dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (JPK, 2006). Berdasarkan nilai pinjaman yang dikeluarkan dari tahun 2001 hingga tahun 2005 (MeCD, 2006) sebanyak 42 peratus pinjaman adalah kategori pinjaman modal pusingan, 5 peratus pinjaman perumahan, 31.6 peratus pinjaman tanah/bangunan, 13 peratus pinjaman perladangan, 8 peratus pinjaman kenderaan dan 0.4 peratus pinjaman pendidikan. Daripada 257 buah koperasi yang meminjam, sebanyak 150 buah koperasi (58.3 peratus) menguasai kategori pinjaman modal pusingan. Lain-lain bentuk pinjaman kecuali pendidikan adalah pinjaman yang berupa pemilikan aset.

Perangkaan ini menunjukkan bahawa perniagaan koperasi masih terbatas kepada beberapa bidang sahaja, walaupun terdapat banyak bidang perniagaan lagi yang masih belum diterokai oleh koperasi dan berpotensi untuk dimajukan. Data tersebut juga memberi maklumat bahawa koperasi boleh dilihat masih lemah dalam urusan struktur dana sehingga mendorong kepada ketidakcukupan modal kerja.

1.1 Penyataan masalah

Menurut Dasar Koperasi Negara (DKN), koperasi sering dilabel dengan masalah kekurangan modal kerana anggota tidak aktif. Masalah ini boleh di atasi dengan mengadakan lebih banyak peruntukan. Jika dana yang diberikan tidak diurus atau di guna secara efisien, ia akan meletakkan koperasi kembali kepada keadaan sebelumnya. Kelemahan pengurusan dana akan menyebabkan proses kekurangan modal berulang. Suntikan dana luaran ini memerlukan suatu pengurusan yang mantap dan perlu dipergunakan sebaik-baiknya untuk menjana pendapatan koperasi. Tanpa penjana aliran tunai positif yang berterusan dari sesuatu aktiviti perniagaan, menyebabkan suntikan dana luaran akan meningkatkan liabiliti koperasi dan akan menjejaskan perniagaan koperasi yang sedia ada mahupun yang akan datang.

Mobilisasi dana koperasi yang efisien menjadi isu penting kerana dalam memenuhi matlamat ekonomi dan sosial, segala bentuk perniagaan seharusnya dapat menjana pendapatan yang cukup untuk diagihkan kepada anggota perlu disimpan untuk perkembangan perniagaan. Kecekapan mengguna dan memperuntukkan dana oleh koperasi merupakan langkah awal yang menjadi penentu ke arah kemampuan koperasi.

1.2 Objektif Kajian

Secara amnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti kecenderungan koperasi memperoleh sumber dana,
- ii. Untuk mengenal pasti kecenderungan koperasi menggunakan dana,
- iii. Untuk mengenal pasti kecenderungan koperasi memperoleh pendapatan dari penggunaan dana yang telah dilaburkan,
- iv. Untuk mengenal pasti kecenderungan koperasi mengagihkan untung bersih.

1.3 Kepentingan kajian

Berdasarkan teori kewangan, mobilisasi dana yang efisien ada kaitan dan hubungan langsung dengan penjanaaan pendapatan serta keuntungan yang diperoleh. Hasil kajian ini akan menjelaskan jenis atau bentuk dan saiz perniagaan yang diceburi oleh koperasi. Hasil kajian ini juga memberi gambaran fokus aktiviti koperasi di Malaysia, sama ada berorientasikan ekonomi dan kebajikan kepada anggota atau sebaliknya.

Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada penggubal dasar untuk mewujudkan polisi atau dasar baru yang ada kaitan dengan jenis dan kecenderungan perniagaan koperasi dari penetapan dan mobilisasi dana di peringkat koperasi. Penggubal dasar juga dapat menyesuaikan segala strategi dalam menggalakkan keusahawanan dan menyediakan dana-dana yang fleksibel.

Penemuan kajian ini juga amat berguna kepada MKM untuk menganjurkan program latihan yang lebih tertumpu kepada pengurusan kewangan koperasi bagi meningkatkan keupayaan lembaga dan pengurusan koperasi ke arah memperkasakan koperasi. Seterusnya, kajian ini akan menunjukkan suatu bukti sama ada gerakan koperasi berupaya untuk berdaya saing dalam memainkan peranannya sepertimana yang diharapkan oleh kerajaan sebagai sektor ketiga dalam ekonomi Malaysia.

Penemuan kajian ini dapat menunjukkan gambaran atau tren kecenderungan koperasi memperoleh sumber dana, perbelanjaan dana koperasi, bagaimanakah bentuk pulangan yang diperoleh adakah menguntungkan atau sebaliknya dan ke mana koperasi membahagikan keuntungan tersebut. Penemuan ini boleh dijadikan panduan kepada lembaga dan anggota koperasi yang baru ditubuhkan. Supaya mereka bekerja keras untuk mendapatkan sumber dana dan berhati-hati menggunakan dana tersebut untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang lebih menguntungkan serta membahagikan keuntungan yang diperoleh untuk perkhidmatan dan kebajikan anggota.

1.4 Definisi

Mobilisasi didefinisikan sebagai '*to extend over a wide area: diffuse, disperse, disseminate, distribute, radiate, scatter, spread, strew*' (Answer, 2006). Menurut Kamus Dewan (2005), mobilisasi bermaksud pergerakan atau peredaran sesuatu sumber kewangan dan sebagainya untuk tujuan tertentu. Dana bererti sekumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa mobilisasi dana merupakan pergerakan sekumpulan wang untuk tujuan dan kegunaan tertentu supaya beredar atau berpusing untuk mendatangkan sesuatu keuntungan dan sebagainya.

Ghani (1980), sumber dana dalaman terdiri daripada modal syer, *deposit, reserves* dan untung terkumpul sementara sumber dana luaran pula terdiri daripada pinjaman luar dari institusi kewangan, bank koperasi dan kerajaan seperti pinjaman, geran

dan subsidi. Penggunaan dana pula terbahagi kepada tiga di mana koperasi melabur dalam aset tetap seperti tanah, estet dan bangunan, memberi pinjaman kepada anggota dan melabur dalam subsidiari atau *joint-ventures*. Menurut JPK (2005), jenis aktiviti koperasi adalah seperti berikut:

- | | | |
|-------|-------------------|---|
| i. | Kredit | Pinjaman/pembiayaan |
| ii. | Perindustrian | Koperasi Industri Kampung (KIK), Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pembalakan, perkilangan dan pembuatan. |
| iii. | Pengangkutan | Angkut BTB, getah, minyak, bas, teksi, lori dan lain-lain. |
| iv. | Pembangunan tanah | Membeli dan membangunkan tanah untuk dijual. |
| v. | Perkhidmatan | Dobi, klinik, pajak gadai, pelancongan, tadika, restoran/kantin, insurans, pengurusan dan lain-lain. |
| vi. | Perladangan | Mengusahakan tanah dengan hasil pertanian. Contohnya, tanam getah, kelapa sawit, pokok sentang dan lain-lain. |
| vii. | Pelaburan | Dividen, jualan pelaburan, faedah simpanan, sewaan bangunan dan lain-lain. |
| viii. | Aktiviti pengguna | Jual/beli barangan selain daripada aktiviti kedai/pasar raya dan lain stesen minyak. |

Merujuk Pekeliling Ketua Pendaftar Bil 1/2005, pendapatan dan perbelanjaan koperasi adalah untuk lima belas (15) aktiviti iaitu kredit, kedai/pasar raya, stesen minyak, perindustrian, ternakan, perumahan, kontrak, pengangkutan, pembangunan tanah, perkhidmatan, perladangan, usaha sama, pelaburan dan aktiviti pengguna lain.

Mengikut Seksyen 57(5) Akta Koperasi 1993, koperasi boleh menggunakan baki untung bersihnya (selepas menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul jika ada, serta bayaran-bayaran Kumpulan Wang Rizab, kumpulan Wang Amanah

Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) bagi maksud-maksud berikut:

- pembayaran potongan langganan dan pulangan atas deposit;
- pemberian dividen;
- pembayaran honorarium kepada anggota lembaga koperasi; dan
- pembayaran tidak lebih 10 peratus daripada untung bersih teraudit bagi maksud khairat atau maksud lain.

1.5 Skop dan Batas Kajian

Pada akhir tahun 2006 di mana kajian ini bermula, pengkaji tidak dapat memperoleh laporan kewangan semasa kerana biasanya koperasi diberi tempoh untuk mengadakan mesyuarat agungnya dalam masa enam bulan selepas tahun kewangannya berakhir. Sehubungan itu, pengkaji memutuskan untuk mengkaji maklumat kewangan koperasi dari tahun 2003 hingga 2005 sahaja.

Kegagalan sampel yang dikaji untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini atas faktor kerahsiaan adalah di luar kawalan pengkaji.

Bab ini membincangkan kajian terdahulu dan penulisan berkaitan koperasi di dalam dan luar negara berkaitan pengurusan dana koperasi.

Bab 2 **SOROTAN KAJIAN**

2.1 Koperasi

Persidangan Perikatan Koperasi Antarabangsa (*International Co-operative Alliance* atau ICA) di Manchester pada tahun 1995 telah membuat deklarasi bahawa koperasi didefinisikan sebagai sebuah persatuan manusia berautonomi bergabung secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui pertubuhan yang dimiliki bersama dan dikawal secara demokratik.

Terdapat tujuh (7) prinsip yang merupakan garis panduan bagi koperasi untuk digunakan oleh gerakan koperasi di semua negara iaitu:

1. Keanggotaan terbuka dan sukarela
2. Kawalan demokrasi anggota
3. Penglibatan ekonomi anggota
4. Kebebasan dan autonomi
5. Pendidikan, latihan dan maklumat
6. Kerjasama antara koperasi
7. Prihatin terhadap komuniti

Koperasi di Malaysia ditadbir oleh enam (6) hingga lima belas (15) orang Anggota Lembaga secara sukarela yang dipilih dalam mesyuarat agung tahunan koperasi. Koperasi digalakkan melantik kakitangan sepenuh masa untuk mengurus koperasi. Kajian oleh MKM (1984), menunjukkan 78 peratus koperasi yang dikaji

mempunyai kakitangan bergaji sementara 22 peratus tidak mempunyai tenaga kerja. Koperasi yang memiliki tenaga kerja menunjukkan lebih tiga perempat tenaga kerjanya adalah di peringkat operasi. Ini menunjukkan bahawa koperasi kurang mempunyai tenaga kerja di peringkat profesional. Kajian ini menunjukkan hampir satu pertiga koperasi di Malaysia bergantung kepada anggota lembaga yang menjalankan tugas secara sukarela. Selain itu, prestasi koperasi yang mempunyai tenaga kerja adalah lebih baik berbanding koperasi yang tidak mempunyai tenaga kerja.

Menurut Dato' Mohamed Khalid Nordin (2005), koperasi gagal berfungsi kerana tidak ditadbir secara profesional oleh tenaga kerja yang berkualiti. Oleh itu, jika koperasi ingin maju ke hadapan koperasi perlu memiliki tenaga kerja profesional yang kompeten untuk membantu Anggota Lembaga mengurus koperasi.

Merujuk Seksyen 50 Akta Koperasi 1993, modal koperasi boleh diperolehi dalam bentuk fee masuk, modal syer, modal yuran, simpanan khas, deposit atau pinjaman, akaun rizab dan derma. Chukwu (1992), mentakrifkan rizab sebagai dana yang diwujudkan dan dikekalkan dalam perniagaan koperasi untuk tujuan-tujuan yang berlainan tetapi tujuan utamanya adalah untuk memberi jaminan keselamatan dalam situasi negatif yang tidak dapat diramalkan terlebih dahulu.

Taimni (2000), mendapati pada peringkat awal penubuhan, koperasi menghadapi masalah untuk mendapat modal kerana anggota masih tidak begitu yakin dengan pihak pengurusan untuk mengurus pelaburan koperasi. Pihak bank komersial pula turut ragu untuk memberi pinjaman kerana koperasi masih baru.

JPK (2006), telah mengeluarkan satu panduan mewujudkan sistem penarafan koperasi. Tujuan penarafan ini adalah untuk menilai sama ada koperasi mempunyai struktur kewangan yang efektif atau sebaliknya. Ia dianggap efektif jika koperasi mampu membayar dividen, memberi pulangan atas deposit, membayar balik

wang anggota yang berhenti, menanggung kos operasi dan menyediakan modal untuk mengembangkan perniagaan koperasi dari aset koperasi yang dibiayai oleh syer, yuran, simpanan khas dan deposit anggota.

Menurut Ng (2002), koperasi perlu tumbuh dan berkembang untuk membolehkannya berdaya saing dan berdaya maju. Ghani (1980), pula menyatakan koperasi menggunakan dana untuk memberi pinjaman kepada anggota selaras dengan tujuan penubuhan koperasi. Fauzi (2000), menyatakan kebanyakan koperasi menghadapi masalah kewangan dan kajian menunjukkan bahawa 86 peratus koperasi menghadapi ketidakcukupan modal kerana sumber utama modal koperasi diperolehi dari sumber dalaman khususnya syer anggota, fi dan untung terkumpul. Menurut Henny (1996), anggota mempunyai peranan penting dalam memajukan kegiatan koperasi dengan menyumbang modal.

Pischke (1996), keperluan modal luar adalah perlu bagi memenuhi pertumbuhan perniagaan koperasi pada kadar yang meningkat. Menurut beliau pembentukan modal koperasi adalah menjadi cabaran koperasi untuk mendapatkan modal dan biasanya koperasi kekurangan modal untuk beroperasi terutamanya koperasi pertanian. Kurangnya perhatian terhadap pembentukan modal telah memberikan kesan buruk kepada perniagaan. Hanya dengan bantuan penyediaan sumber modal koperasi akan lebih dapat bersaing dan berkembang.

Kajian oleh Hasniza (2006), Industri Kecil dan Sederhana (IKS) lebih suka menggunakan kewangan sendiri untuk memulakan perniagaan. Dalam tempoh berkembang, mereka mengambil pinjaman jangka sederhana dari bank dan mengambil pinjaman jangka panjang pula dalam tempoh matang. Menurut beliau lagi, kebanyakan industri kecil dan sederhana membelanjakan dananya untuk modal kerja. Tahap peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan pembangunan sumber manusia berbeza-beza menurut kitaran hayat perniagaan.

Kajian ini mengambil kira sorotan kajian yang dibahagikan kepada dua bahagian sebagaimana berikut:

2.2 Teori Pengurusan Dana

Brigham (1998), polisi struktur modal melibatkan *trade-off* antara risiko dengan pulangan. Penggunaan hutang yang banyak akan meningkatkan risiko aliran pendapatan firma tetapi jika tinggi kadar hutang akan mengarah kepada tinggi jangkaan kadar pulangan kepada firma. Oleh itu, firma perlu menentukan struktur modal yang digunakan sama ada sumber dalaman atau luar berasaskan pulangan yang maksimum kepada firma.

Menurut Chukwu (1992), modal koperasi perlu diuruskan mengikut keperluannya iaitu jika keperluan jangka pendek perlulah diperolehi dari sumber jangka pendek dan sebaliknya bagi membolehkan koperasi dapat memenuhi obligasi liabiliti mengikut ketentuan masa yang telah ditetapkan.

2.3 Teori Pertumbuhan

Kajian Pischke (1996), keperluan modal luar adalah perlu bagi memenuhi pertumbuhan perniagaan koperasi pada kadar yang meningkat. Menurut kajiannya berhubung pembentukan modal koperasi, pemerhati FAO, COPAC, ILO, bank dunia dan lain-lain agensi mendapati, adalah menjadi cabaran koperasi untuk mendapatkan modal dan biasanya koperasi kekurangan modal untuk beroperasi terutamanya koperasi pertanian. Kurangnya perhatian terhadap pembentukan modal telah memberikan kesan buruk kepada perniagaan, politik dan dasar awam. Hanya dengan bantuan penyediaan sumber modal koperasi akan lebih dapat bersaing dan berkembang.

Margaret Lund (2000), mendapati koperasi yang tidak dikenakan cukai menggunakan perolehan ini untuk menggiat dan membangunkan koperasi dan tidak untuk diagihkan kepada anggota secara langsung.

Ng (Wawasan, 2002), telah membuat berapa rumusan mengenai masalah pembiayaan sumber modal untuk perkembangan koperasi iaitu:

- a. Koperasi tidak sepatutnya bergantung kepada pembiayaan daripada hutang;
- b. Koperasi sepatutnya memperkuat asas ekuiti mereka dengan meningkatkan dan meluaskan perniagaan;
- c. Koperasi perlu efisien untuk mendapatkan pembiayaan kewangan daripada perniagaannya sendiri;
- d. Sumber luaran hanya digunakan untuk mengatasi batasan modal kerja;
- e. Koperasi perlu ada pelan perniagaan yang wajar untuk mendapat pembiayaan luar.

Henny (1996), menyatakan bahawa anggota mempunyai peranan penting dalam memajukan kegiatan koperasi dengan menyumbang modal. Jumlah tabungan modal sangat bergantung kepada simpanan secara sukarela. Jika faedah ekonomi dan bukan ekonomi diperoleh oleh anggota meningkat maka tabungan anggota akan meningkat. Peningkatan pemberian dividen oleh koperasi tidak mempengaruhi jumlah simpanan sukarela anggota. Kajian ini menunjukkan anggota akan meningkatkan tabungan mereka jika koperasi yang dianggotainya dapat memberikan faedah kepada mereka dalam bentuk perkhidmatan dan kebajikan.

Menurut Fauzi (2000), berdasarkan saiz anggota yang kecil, koperasi mempunyai modal yang sedikit dan berbelanja melebihi modal yang dimiliki. Keadaan ini menggambarkan banyak koperasi menghadapi masalah untuk mendapatkan modal bagi membiayai aktiviti, memiliki staf yang profesional dan kebolehan yang terhad untuk meningkatkan daya saing dan akhirnya menjadi koperasi yang tidak aktif.


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Bab 3 METODOLOGI KAJIAN

Bab ini membincangkan metodologi pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Data yang di kumpul dianalisis dengan menggunakan teknik-teknik analisis statistik.

3.1 Kerangka Kajian

Koperasi memerlukan dana untuk mengembangkan perniagaan dan menggiatkan usaha bagi meningkatkan kegiatan ekonomi serta membiayai aktiviti sosial dan kebajikan kepada anggota. Dana koperasi boleh diperolehi dari dua sumber iaitu sumber dalaman dan sumber luaran. Sumber dalaman diperolehi dari Kumpulan Wang Rizab dan Kumpulan Wang Anggota yang terdiri dari modal syer, modal yuran, untung rugi terkumpul, rizab modal dan kumpulan wang. Sumber luaran pula boleh didapati dari pinjaman institusi bank, Tabung Modal Pusingan (TMP), geran, simpanan anggota dan pemiutang.



Rajah 3.1: Model Mobilisasi Dana Koperasi

Rajah 3.1 merupakan Model Mobilisasi Dana koperasi yang menunjukkan perolehan sumber dana koperasi, penggunaan dana serta pengagihan keuntungan koperasi. Pelbagai aktiviti ekonomi dilaksanakan oleh koperasi seperti pelaburan syer, simpanan tetap, simpanan semasa, menyediakan skim pembiayaan di samping melibatkan diri dalam projek perniagaan sama ada berskala kecil atau besar bergantung kepada kemampuan kedudukan kewangan koperasi seperti pembinaan, perladangan, pengangkutan, perdagangan, perniagaan dan sebagainya. Aktiviti untuk tujuan sosial yang dijalankan oleh koperasi ialah seperti pemberian derma atau dermasiswa, pulangan dividen atau rebat pengguna, elaun atau honorarium, khairat atau takaful dan lain-lain.

3.2 Kaedah Pensampelan Data

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata yang melibatkan 5,003 koperasi di Semenanjung Malaysia yang didaftarkan sehingga Februari 2007 tetapi hanya 1,648 koperasi yang terpilih sebagai sampel kajian. Koperasi-koperasi tersebut dikeluarkan dari sampel kajian kerana beberapa faktor iaitu kajian ini hanya menumpukan koperasi yang ditubuhkan sehingga tahun 2002, koperasi yang tidak mengadakan mesyuarat agung pada tahun 2004, koperasi yang tidak aktif, koperasi sekolah, koperasi Sabah dan Sarawak, koperasi bank, koperasi menengah, koperasi gabungan dan ANGKASA untuk mengelakkan data yang berbeza.

Jadual 3.1: Statistik Populasi dan Responden Kajian

Fungsi Koperasi	Populasi*	Sampel		Responden		% Responden/ populasi
		Bil.	%	Bil.	%	
Pengangkutan	435	384	88.3	83	21.6	19.1
Kredit/Kewangan	500	388	77.6	67	17.3	13.4
Pengguna	1,113	423	38.0	53	12.5	4.8
Perkhidmatan	415	179	43.1	24	13.4	5.8
Perladangan	189	108	57.1	23	21.3	12.2
Pembinaan	113	81	71.7	11	13.6	9.7
Perumahan	96	54	56.3	7	13.0	7.3
Perindustrian	56	32	57.1	6	18.8	10.7
	2,917	1,648	100	274	100	100

Jadual 3.1 menunjukkan statistik populasi dan responden dalam kajian mobilisasi dana koperasi. Penyelidik mendapati responden daripada koperasi fungsi perumahan, pengguna dan perkhidmatan tidak mencukupi iaitu kurang daripada 10 peratus. Maka, ketiga-tiga fungsi koperasi ini tidak dikaji secara terperinci kerana penemuan yang diperoleh tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar fungsi koperasi tersebut.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian eksploratori berdasarkan analisis terhadap data Laporan Tahunan Koperasi untuk tiga tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2003 hingga 2005 bagi mengkaji maklumat kewangan koperasi. Maklumat kewangan bagi tahun 2006 tidak dapat dimasukkan dalam kajian ini kerana terdapat koperasi yang belum mengadakan mesyuarat agung sehingga kajian ini dijalankan memandangkan tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2007. Maklumat sepanjang tiga tahun tersebut dapat menunjukkan perbezaan atau perubahan prestasi koperasi dalam menggunakan dana.

Borang profil diposkan ke koperasi untuk diisi dan dikembalikan bersama laporan tahunan koperasi. Sekiranya koperasi gagal mengembalikan maklumat dan dokumen yang diperlukan, maka penyelidik akan mengunjungi koperasi untuk mengambil maklumat dan dokumen berkenaan.

3.4 Kutipan Data

Penyelidikan ini menggunakan maklumat data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh dengan menggunakan sebanyak 1,648 borang soal selidik yang diposkan kepada Setiausaha koperasi yang terpilih. Bahagian A soal selidik merupakan demografi kajian ini yang meliputi latar belakang responden iaitu Pengurus, Setiausaha, Bendahari dan Pengerusi koperasi. Data sekunder pula diperoleh laporan kewangan tahunan koperasi yang dipindahkan ke borang yang dirangka iaitu Bahagian B yang merupakan maklumat kewangan (diisi oleh penyelidik) bagi memudahkan proses kemasukan data ke sistem aplikasi *Statistical Package fo Social Sciences* (SPSS).

3.5 Kaedah Analisis Data

Maklumat yang diperlukan untuk analisis data sekunder diperoleh dari laporan kewangan koperasi khususnya kunci kira-kira dan akaun perdagangan dan untung rugi koperasi. Borang profil dan laporan tahunan koperasi dianalisa dengan menggunakan perisian aplikasi SPSS. Kajian ini menggunakan analisa deskriptif dan frekuensi, nilai peratusan, minimum, maksimum dan analisa tabulasi silang (*cross-tab*) untuk melihat perhubungan (*corelation*) di antara angkubah. Nilai *median* juga digunakan untuk menunjukkan majoriti kerana sisihan piawai yang agak tinggi dan nilai pembolehubah yang terlalu berbeza-beza.

Bab 4

PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Jadual 4.1 di bawah secara umumnya menunjukkan maklumat koperasi di Malaysia pada 2004 hingga 2007. Pada tahun 2005 menunjukkan pertumbuhan koperasi pada kadar 3 peratus sementara pada tahun 2007 pula menunjukkan kadar meningkat kepada 5 peratus. Kerajaan amat menggalakkan pertumbuhan ini bagi membolehkan koperasi dapat bersama-sama membantu membangunkan ekonomi negara agar menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan lebih signifikan lagi. Pelbagai kempen dilakukan bagi meningkatkan bilangan koperasi seperti satu komuniti satu koperasi, koperasi keluarga, koperasi masjid, koperasi bela rakyat bagi setiap Dewan Undangan Negeri dan sebagainya. Menurut SKM tahun 2009 koperasi menyumbang sebanyak 1 peratus kepada KDNK negara. Angka ini disasarkan akan meningkat kepada 5 peratus menjelang tahun 2013 (DKN, 2011 hingga 2020), 2010.

Jadual 4.1: Statistik Koperasi Di Malaysia Bagi tahun 2004
hingga tahun 2007

	2004	2005	2006	2007
Bilangan Koperasi	4,651	4,771	4,918	5,170
% Pertumbuhan Koperasi	4	3	3	5
Bil Anggota	5,458,641	5,685,514	5,861,445	6,318,758
% Pertumbuhan Anggota	5	4	3	8
Jumlah Syer (RM)	6,620,718,563	6,849,098,657	7,359,690,562	7,787,442,143
% Pertumbuhan Syer	15	3	7	6
Jumlah Aset (RM)	31,316,640,554	34,868,601,251	38,383,314,083	47,401,984,686
% Pertumbuhan Aset	23	11	10	23
Jumlah Jualan (RM)	4,094,188,205	4,600,327,646	5,052,447,744	6,098,898,579
% Pertumbuhan Jualan	14	12	10	21

Statistik menunjukkan bahawa keanggotaan juga turut meningkat selaras dengan pertumbuhan koperasi. Bagi tahun 2005 koperasi mengalami peningkatan keanggotaan sebanyak 4 peratus dan pada tahun 2007 pula mengalami peningkatan sehingga hampir 8 peratus. Setiap anggota adalah diwajibkan membayar modal syer minimum sebanyak RM100. Semakin banyak sumbangan anggota maka semakin tinggi nilai syer koperasi. Pada tahun 2005 pertumbuhan syer koperasi ialah pada kadar 3.4 peratus dan meningkat sehingga 5.8 peratus pada 2007. Nilai jualan atau *turn-over* koperasi juga dilihat mengalami peningkatan yang positif dengan kadar pertumbuhannya 12.4 peratus pada tahun 2005 meningkat sehingga 20.7 peratus pada tahun 2007. Hal ini menunjukkan koperasi mampu menjalankan perniagaan untuk membantu pembangunan ekonomi negara. Sehubungan itu, usaha-usaha

perlu diteruskan oleh pelbagai pihak khususnya agensi dan kementerian yang berkaitan dengan koperasi untuk memastikan gerakan koperasi boleh menyumbang sebagai sektor ketiga penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Jadual 4.2 menunjukkan statistik koperasi di Malaysia mengikut fungsi di mana majoriti koperasi (54.7%) adalah koperasi pengguna. Koperasi pengguna dalam kalangan murid sekolah sahaja mewakili hampir 34 peratus bilangan koperasi dengan keanggotaan paling ramai sehingga 2 juta orang. Sementara sumbangan modal syer dan yuran tertinggi adalah dari koperasi kredit iaitu hampir RM4 bilion. Jumlah aset, *turnover* dan untung rugi tertinggi diwakili oleh koperasi perbankan meninggalkan jauh koperasi fungsi lain di belakang.

Jadual 4.2: Statistik Koperasi di Malaysia Mengikut Fungsi

BIL.	FUNGSI	BIL. KOPERASI	JUMLAH ANGGOTA (orang)	JUMLAH MODAL SYER/ YURAN (RM)	JUMLAH ASET (RM)	TURNOVER (RM)	UNTUNG RUGI (RM)
1.	PERBANKAN	2	828,484	2,199,709,013	42,208,732,138	3,551,732,345	1,254,943,822
2.	KREDIT/ KEWANGAN	551	1,962,834	3,969,003,533	7,620,467,830	1,747,350,390	353,658,419
3.	PERTANIAN	842	248,526	239,016,392	964,336,413	520,805,179	132,336,678
4.	PERUMAHAN	88	89,102	131,592,122	540,551,689	103,492,753	38,860,369
5.	PERINDUSTRIAN	75	11,997	6,953,639	49,874,089	42,628,043	41,824
6.	PENGGUNA						
	- dewasa	1,278	629,330	236,702,780	978,852,867	799,283,095	41,935,573
	- sekolah	2,048	2,050,790	18,528,382	159,156,925	165,288,817	24,189,568
7.	PEMBINAAN	108	62,111	15,248,402	57,049,368	23,366,543	417,739
8.	PENGANGKUTAN	336	116,918	47,338,371	182,006,579	391,607,704	14,343,117
9.	PERKHIDMATAN	756	509,556	1,553,903,547	2,969,662,339	405,033,640	81,592,599
	JUMLAH	6,084	6,509,648	8,417,996,182	55,730,720,236	7,749,860,509	1,942,319,708

Sumber: Perangkaan dari SKM sehingga 31 Disember 2008

4.1 Hasil Kajian

4.1.1 Sumber Dana Koperasi

Koperasi memperoleh dana dari dua sumber utama, iaitu sumber dalaman dan sumber luaran. Maklumat dana bagi tahun 2003 mengikut sumber dirumuskan dalam Jadual 4.3, manakala maklumat bagi tahun 2004 dan 2005, masing-masing dirumuskan dalam Jadual 4.4 dan 4.5.

Untuk menjawab objektif pertama kajian ini iaitu mengenal pasti sumber dana koperasi, nilai median digunakan sebagai ukuran purata kerana peratusan dana mengikut sumber bagi sampel ini terlalu berbeza-beza. Ini jelas berdasarkan nilai min dan median yang terlalu berbeza-beza di samping nilai sisihan piawai yang agak tinggi.

Secara purata, pada tahun 2003 koperasi lebih cenderung untuk memiliki dana dari sumber dalaman berbanding sumber luaran. Namun, peratusan dana dari kedua-dua sumber terlalu berbeza-beza. Misalnya, peratusan bagi sumber dalaman ialah dalam lingkungan 0 peratus sehingga mencapai 100 peratus. Walau bagaimanapun, secara purata koperasi memiliki lebih daripada 80 peratus dana dari sumber dalaman (median = 83.3%). Dalam kalangan sumber dalaman pula, secara purata kebanyakan koperasi lebih banyak bergantung kepada kumpulan wang anggota (85.7%) berbanding wang rizab (14.3%).

Jadual 4.3: Dana Koperasi Mengikut Sumber bagi Tahun 2003

Jenis dan Sumber Dana Koperasi	Peratusan Dana Tahun 2003				
	Minimum	Maksimum	Median	Min	SP*
1. Dana Dalam : Keseluruhan	0	100	83.3	73.1	25.6
a. Kumpulan Wang Anggota	0	100	85.7	79.2	22.7
b. Kumpulan Wang Rizab	0	100	14.3	20.8	22.7
2. Dana Luar: Keseluruhan	0	99	16.7	26.8	25.6
a. Pinjaman dari institusikewangan	0	90	00	10.6	20.1
b. Pinjaman dari Tabung TMP	0	98	00	5.7	17
c. Geran dan Subsidi	0	83	00	2.0	10.2
d. Simpanan	0	93	00	4.4	14.3
e. Pemiutang	0	100	00	12.4	23

* *Sisihan Piawai*

Peratusan dana dari sumber luaran juga terlalu berbeza-beza, iaitu dari 0 peratus sehingga 99 peratus. Walau bagaimanapun secara purata pada tahun 2003, tidak sampai 20 peratus (median 16.7%) dana koperasi datangnya dari sumber luaran. Dalam kalangan sumber luaran pula, majoriti daripada koperasi menggunakan secara langsung dana dari lima sumber yang disenaraikan. Analisis lanjutan menunjukkan terdapat koperasi yang memiliki sumber luaran yang begitu tinggi, terutamanya pinjaman dari institusi kewangan (90%), geran (83%), tabung modal pusingan (98%) dan simpanan tetap (93%).

Jadual 4.4: Dana Koperasi Mengikut Sumber Bagi Tahun 2004

Jenis dan Sumber Dana Koperasi	Peraturan Dana Tahun 2004				
	Minimum	Maksimum	Median	Min	SP*
1. Dana Dalaman : Keseluruhan	1	100	83.4	73.7	25.0
a. Kumpulan Wang Anggota	0	100	85.5	79.6	21.9
b. Kumpulan Wang Rizab	0	100	14.5	20.4	21.9
2. Dana Luaran : Keseluruhan	0	99	16.6	26.3	25.0
a. Pinjaman dari institusi kewangan	0	90	00	10.9	20.5
b. Pinjaman dari Tabung TMP	0	97	00	5.6	16.0
c. Geran dan Subsidi	0	92	00	3.0	13.1
d. Simpanan	0	92	00	4.8	15.3
e. Pemiutang	0	100	00	11.3	22.1

* *Sisihan Piawai*

Jadual 4.5: Dana Koperasi Mengikut Sumber Bagi Tahun 2005

Jenis dan Sumber Dana Koperasi	Peraturan Dana Tahun 2005				
	Minimum	Maksimum	Median	Min	SP*
1. Dana Dalaman : Keseluruhan	1	100	82.6	73	25.2
a. Kumpulan Wang Anggota	0	99.9	85.4	79.1	21.6
b. Kumpulan Wang Rizab	0.12	100	14.6	20.8	21.6
2. Dana Luaran : Keseluruhan	0	99	17.4	27.0	25.2
a. Pinjaman dari institusi kewangan	0	98	00	11.3	21.7
b. Pinjaman dari Tabung TMP	0	96	00	6.4	17.9
c. Geran dan Subsidi	0	96	00	3.3	13.5
d. Simpanan	0	92	00	4.8	15.3
e. Pemiutang	0	100	00	10.5	20.7


* *Sisihan Piawai*

Jadual 4.6 menunjukkan 151 koperasi atau 55.1 peratus koperasi pada 2003 mempunyai lebih 80 peratus sumber dana dalamnya.

Jadual 4.6: Peratus Pemilikan Dana Dalam Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Peratus dana dalam	2003		2004		2005	
	Koperasi	%	Koperasi	%	Koperasi	%
< 20%	10	3.6	15	5.5	12	4.4
21% - 40%	21	7.7	20	7.3	27	9.9
41% - 60%	39	14.2	35	12.8	36	13.1
61% - 80%	53	19.3	51	18.6	50	18.2
> 80%	151	55.1	153	55.8	149	54.4
Jumlah	274	100.0	274	100.0	274	100.0

Berdasarkan Rajah 4.1 menunjukkan dengan lebih jelas komposisi pemilikan dana dalam berbanding dana luaran bagi tahun 2003 hingga 2005. Penemuan kajian menunjukkan peratusan pemilikan komposisi sumber dana tidak banyak berubah di sepanjang tempoh kajian ini. Secara purata, peratusan pemilikan dana dari sumber dalam meningkat terlalu sedikit, iaitu dari 83.3 peratus pada tahun 2003 kepada 83.4 peratus pada tahun 2004 dan menurun kepada 82.6 peratus pada tahun 2005. Begitu juga dengan dana dari sumber luaran, menurun sedikit dari 16.7 peratus pada 2003 kepada 16.6 peratus pada tahun 2004 dan meningkat kembali kepada 17.4 peratus pada tahun 2005.



Rajah 4.1: Komposisi Dana Dalaman dan Luaran Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Penglibatan koperasi yang dikaji dalam pemilikan dana sepanjang tempoh kajian ditunjukkan pada Jadual 4.7 dan 4.8 di bawah. Sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi (1993), di mana setiap anggota perlu menyumbang modal syer minimum kepada koperasi, kajian ini menunjukkan semua koperasi patuh dengan perundangan ini. Secara majoritinya pada tahun 2005, syer terkumpul koperasi yang dikaji berjumlah sehingga RM154 ribu dengan nilai minimum RM6,584 dan nilai maksimum sehingga RM25 juta khususnya bagi koperasi fungsi kredit.

Koperasi yang dikaji juga menunjukkan penglibatan untung terkumpul yang meningkat. Ini menunjukkan penglibatan koperasi dalam pengagihan untung terkumpul meningkat dari 78 peratus (2003) kepada 80 peratus (2004) dan 81 peratus (2005). Bagaimanapun penglibatan koperasi dalam penyediaan tabung atau kumpulan wang didapati meningkat sepanjang tempoh kajian dari 209 koperasi pada 2003 kepada 216 koperasi (2004) dan 218 koperasi (2005). Ini adalah petanda baik kerana kumpulan wang ini diperuntukkan adalah untuk membiayai aktiviti kebajikan kepada anggota dan komuniti seperti Kumpulan Wang

Kebajikan Anggota, Kumpulan Wang Kebajikan Am dan sebagainya. Majoriti nilai kumpulan wang ini ialah RM29 ribu. Terdapat koperasi yang dikaji memiliki kumpulan wang sehingga RM5 juta.

Penglibatan koperasi yang menjalankan aktiviti pinjaman dengan bermodalkan modal yuran anggota juga turut meningkat walaupun tidak begitu banyak iaitu 63 koperasi pada 2003 kepada 66 koperasi (2004) dan 69 koperasi (2005). Nilai majoriti modal yuran yang dimiliki koperasi ialah RM2 juta dan terdapat koperasi yang mengumpul modal yuran sehingga RM58 juta khususnya koperasi fungsi kredit. Ini menunjukkan terdapat kesedaran koperasi yang dikaji untuk membantu anggota dengan menyediakan aktiviti pembiayaan. Penglibatan koperasi dalam menyediakan kumpulan wang penebus syer dan bonus didapati agak rendah. Dari 274 koperasi yang terlibat dalam kajian ini hanya 48 koperasi (18%) sahaja yang mempunyai kumpulan ini bagi kemudahan anggota yang memohon untuk berhenti menjadi anggota. Bagaimanapun bilangan koperasi yang melibatkan diri dalam penyediaan kumpulan wang ini telah meningkat sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Jadual 4.7: Penglibatan Pemilikan Dana Dalam Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Dana Dalam/Tahun	2003		2004		2005	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Modal Syer	274	100	274	100	274	100
Kumpulan Wang Rizab	270	96	272	99	274	100
Untung Terkumpul	215	78	221	80	223	81
Kumpulan2 Wang	209	76	216	79	218	80
Syer & Bonus Ditebus	118	43	121	44	121	44
Modal Rizab	97	36	96	35	97	36
Modal Yuran	63	23	66	24	69	25
Kump Wang Penebus Syer & Bonus	48	18	51	19	54	20

Jadual 4.8: Penglibatan Pemilikan Dana Dalam Koperasi Bagi Tahun 2005

Dana Dalam 2005	Bil	%	Median (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Modal Syer	274	100	154,118	6,584	25,989,819
Kumpulan Wang Rizab	274	100	80,157	87	17,224,413
Untung Terkumpul	223	81	88,150	40	8,740,962
Kumpulan2 Wang	218	80	29,167	19	5,397,015
Syer & Bonus Ditebus	121	44	4,242	138	433,017
Modal Rizab	97	36	14,660	90	13,905,571
Modal Yuran	69	25	2,133,398	50	57,991,779
Kump Wang Penebus Syer & Bonus	54	20	10,143	42	24,855,000

Maklumat pemilikan dana dalaman koperasi mengikut fungsi bagi tahun 2005 ditunjukkan dalam Jadual 4.9 di bawah di mana lebih separuh koperasi yang dikaji memiliki dana dalaman sehingga RM500 ribu. Hanya 33 peratus atau 90 koperasi yang dikaji memiliki dana lebih dari RM1 juta. Jika dilihat dari segi fungsi koperasi, kajian menunjukkan bilangan koperasi pengangkutan memiliki dana dalaman tertinggi melebihi RM1 juta iaitu 26 koperasi diikuti koperasi fungsi pengguna (23) dan kredit (16). Sementara tiada koperasi perumahan memiliki dana dalaman kurang dari RM50 ribu. Bilangan koperasi fungsi pengangkutan merupakan koperasi tertinggi yang memiliki dana dalaman kurang dari RM50 ribu (8) diikuti dengan koperasi kredit (5 koperasi).

Jadual 4.9: Julat Pemilikan Dana Dalaman Bagi Tahun 2005
Mengikut Fungsi Koperasi

Fungsi Koperasi Tahun	Julat Dana Dalaman Koperasi 2005						Jumlah
	< 50K	50K - 100K	100 K- 250K	250K- 500K	500K - 1Juta	> 1 Juta	
Kredit	5	6	14	15	11	16	67
Perladangan	2	0	4	5	4	8	23
Perumahan	0	1	0	1	1	4	7
Perindustrian	1	1	1	0	1	2	6
Pengguna	2	4	6	11	7	23	53
Pembinaan	2	1	2	2	3	1	11
Pengangkutan	8	4	15	15	15	26	83
Perkhidmatan	2	2	5	3	2	10	24
Jumlah	22	19	47	52	44	90	274
Peratus	8	7	17	19	16	33	100

Sementara maklumat lanjut dana luaran pula ditunjukkan pada Jadual 4.10, 4.11 dan 4.12 masing-masing. Bagi tahun 2005, Jadual 4.10 menunjukkan 43 peratus koperasi yang dikaji mempunyai kemudahan pemiutang. Bagaimanapun jika dilihat sepanjang tempoh kajian, bilangan koperasi yang terlibat dengan pemiutang berkurangan. Pada tahun 2005, jumlah pemiutang setinggi hingga RM3.3 juta. Ini diikuti dengan pinjaman koperasi di institusi kewangan sebanyak 90 koperasi atau mewakili 33 peratus di mana jumlah tertinggi sehingga RM45 juta. Bagi simpanan anggota, TMP dan geran didapati penglibatan koperasi semakin meningkat. Pada tahun 2005 simpanan anggota tertinggi sehingga RM3 juta sementara TMP tertinggi sehingga RM2 juta dan geran tertinggi sehingga RM600 ribu. Di sini menunjukkan kecenderungan koperasi untuk mendapatkan dana luaran telah berubah arah di mana penglibatan pinjaman koperasi dari institusi kewangan telah berkurangan sepanjang tahun kajian sementara pinjaman dari TMP dan geran JPK telah meningkat dengan agak ketara seperti yang ditunjukkan dalam

Jadual 4.10 dan 4.11 masing-masing. Ini adalah disebabkan kerajaan melalui JPK telah memberi kemudahan kepada koperasi untuk memperoleh dana luaran sehingga RM10 juta.

Jadual 4.10 : Penglibatan Pemilikan Dana Luar Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Dana Luar/ Tahun	2003		2004		2005	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Pemiutang	120	44	117	43	117	43
Institusi Kewangan	93	34	93	34	90	33
Simpanan Anggota	50	18	52	19	53	19.5
Tabung TMP	44	16	50	18	51	19
Geran/Hadiah	23	8	30	11	36	13

Jadual 4.11 : Penglibatan Pemilikan Dana Luar Koperasi Bagi Tahun 2005

Dana Luar 2005	Bil	%	Median (RM)	Min (RM)	Mak (RM)
Pemiutang	117	43	40,412	90	3,358,583
Institusi Kewangan	90	33	90,040	2,369	45,864,919
Simpanan Anggota	53	19.5	45,398	61	3,088,495
Tabung TMP	51	19	117,047	1,913	2,310,009
Geran/Hadiah	36	13	4,000	600	619,593

Penglibatan koperasi dalam sumber dana luaran mengikut fungsi pula ditunjukkan pada Jadual 4.12 di mana koperasi fungsi pengangkutan merupakan koperasi terbanyak mendapatkan sumber pembiayaan dari tabung modal pusingan JPK. Bilangan tersebut diperhatikan meningkat dari 15 koperasi pada 2003 kepada 17 koperasi pada tahun 2004 dan 2005. Ini menunjukkan koperasi fungsi pengangkutan cenderung menggunakan pembiayaan TMP untuk menjalankan aktiviti berkaitan pengangkutan yang memerlukan modal permulaan yang agak banyak. Penglibatan ini diikuti oleh koperasi kredit dan pengguna. Bagaimanapun koperasi fungsi perindustrian tidak melibatkan diri dalam mendapatkan pembiayaan dari jabatan pada tahun 2003 tetapi menggunakan kemudahan ini mulai tahun 2004.

Jadual 4.12 : Penglibatan Koperasi Dalam Tabung Modal Pusingan Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005 Mengikut Fungsi

Fungsi Koperasi/ Tahun	2003		2004		2005	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%
Pengangkutan	15	34	17	34	17	33
Kredit	11	25	13	26	14	27
Pengguna	7	16	7	14	7	14
Perladangan	4	9	4	8	4	8
Perkhidmatan	4	9	4	8	4	8
Pembinaan	2	5	2	4	2	4
Perumahan	1	2	2	4	2	4
Perindustrian	0	0	1	2	1	2
	44	100	50	100	51	100

Jadual 4.13 di bawah juga menunjukkan majoriti koperasi memperoleh sumber dana dalaman tertinggi dari caruman modal yuran anggota iaitu 46.8 peratus diikuti modal syer sebanyak 21.55 peratus. Sumbangan sumber dana dalaman tertinggi adalah dalam kalangan koperasi pengguna sehingga 34 peratus ini adalah disebabkan keanggotaannya yang ramai. Sementara sumbangan dana luaran pula didapati sumber dari institusi kewangan menjadi sumber utama koperasi sehingga 63.8 peratus khususnya di kalangan koperasi fungsi pengguna melibatkan 34 peratus diikuti koperasi pengangkutan sehingga 19 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14. TMP menjadi pilihan keempat koperasi memperoleh sumber dana luaran iaitu sebanyak 9.1 peratus sahaja selepas pemiutang dan simpanan anggota.

Jadual 4.13: Peratusan Dana Dalamana Bagi Tahun 2005 Mengikut Fungsi Koperasi

Koperasi Mengikut Fungsi	Modal Syer	Modal Yuran	Syer Ditebus	Rizab Modal	Syer Bonus	Kumpulan Wang/Tabung Anggota	Untung Terkumpul	Kumpulan Wang Rizab	Jumlah Dana Dalamana	Peratus
Kredit	1,504,581	71,825,921	271,057	3,835,464	900,524	8,907,297	6,188,742	10,428,672	103,862,258	11.82
Perladangan	26,596,161	104,581,204	126,550	748,059	422,472	7,393,244	1,666,917	9,228,834	150,799,441	17.7
Perumahan	1,322,754	3,483,786	2,308	25,531	133,100	401,965	3,680,026	1,865,242	10,914,712	1.24
Perindustrian	1,036,338	17,867,390	436	4,428,541	374,246	661,921	1,418,523	2,849,141	28,636,536	3.26
Pengguna	100,157,885	135,016,494	897,499	3,898,390	1,826,046	12,929,033	14,600,663	29,604,457	298,930,467	34.03
Pembinaan	998,201	305,355	3,269	92,328	42,476	134,043	2,042,891	913,367	4,531,930	0.52
Pengangkutan	46,046,399	47,478,366	454,328	11,920,648	4,533,566	9,838,906	27,722,321	23,051,591	171,046,125	19.47
Perkhidmatan	11,655,745	30,813,155	28,821	15,741,613	25,052,825	2,426,476	1,534,997	22,377,865	109,631,497	12.48
Jumlah	189,318,064	411,371,671	1,784,268	40,726,574	33,285,255	42,692,885	58,855,080	100,319,169	878,352,966	100
Peratus	21.55	46.83	0.20	4.64	3.79	4.86	6.70	11.42	100	

Jadual 4.14: Peratusan Dana Luaran Bagi Tahun 2005 Mengikut Fungsi Koperasi

Koperasi Mengikut Fungsi	Institusi Kewangan	Tabung Modal Pusingan	Geran	Simpanan Anggota	Pembiutang	Jumlah Dana Luaran	Peratus
Kredit	7,036,842	321,962	364,158	1,559,174	2,000,312	11,282,448	7.99
Perladangan	972,108	3,221,499	1,020,410	795,735	2,955,454	8,965,206	6.35
Perumahan	1,592,572	524,948	0	160,826	2,085,585	4,363,931	3.09
Perindustrian	347,242	24,163	446,334	13,938	59,485	891,162	0.63
Pengguna	25,460,846	2,288,910	520,600	7,480,133	4,324,801	40,074,930	28.37
Pembinaan	54,298	175,722	49,058	0	250,434	259,512	0.37
Pengangkutan	51,883,451	5,969,277	208,506	2,587,158	8,601,162	69,249,554	49.02
Perkhidmatan	2,790,945	327,518	537,768	353,048	1,910,011	5,919,326	4.19
Jumlah	90,137,944	12,853,999	3,146,834	12,950,048	22,187,244	14,276,069.00	100
Peratus	63.80	9.10	2.23	9.17	15.70	100	

4.1.2 Penggunaan Dana


Koperasi menggunakan dana untuk membiayai aktiviti, membuat pelaburan aset di samping membiayai perbelanjaan amnya. Bagi menjawab objektif kedua untuk mengenal pasti penggunaan dana koperasi yang dikaji nilai median dan frekuensi digunakan di samping *cross tabulation* dua pemboleh ubah yang berkaitan dengan fungsi koperasi.

Maklumat penggunaan dana atau perbelanjaan yang telah digunakan bagi tahun 2003 dirumuskan dalam Rajah 4.2, manakala makluman perbelanjaan koperasi bagi tahun 2004 dan 2005, masing-masing dirumuskan dalam Rajah 4.3. Nilai median digunakan sebagai ukuran purata.


Secara majoriti, pada tahun 2003, koperasi telah menggunakan sehingga 56 peratus dari keseluruhan penggunaan dana untuk membiayai pelaburan aset koperasi. Sementara bagi perbelanjaan aktiviti pula, koperasi telah menggunakan secara purata 33 peratus dari keseluruhan dana yang dibelanjakan dan 11 peratus pula untuk perbelanjaan am.

Kajian ini menunjukkan koperasi lebih cenderung untuk menggunakan dana bagi tujuan pelaburan aset berbanding membiayai aktiviti dan perbelanjaan lain. Terdapat juga koperasi yang tidak langsung menggunakan dana untuk membiayai aktiviti tertentu. Rajah 4.3 menunjukkan peratusan perbelanjaan koperasi tahun 2004 menunjukkan tren yang sama di mana koperasi masih cenderung menggunakan dananya untuk membiayai pelaburan aset. Tren yang sama juga ditunjukkan bagi tahun 2005.

Jika diperhatikan tren penggunaan dana dari tahun 2003 hingga 2005, menunjukkan kecenderungan koperasi membiayai pelaburan aset sekitar 56 peratus. Sementara perbelanjaan bagi membiayai aktiviti pula mengalami tren menurun iaitu menurun dari 33 peratus (2003) kepada 31 peratus (2004) dan 29 peratus (2005). Tren tersebut digambarkan dalam graf di bawah. Bagaimanapun tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi perbelanjaan tersebut dalam tahun kajian.



Rajah 4.2 : Komposisi Penggunaan Dana Koperasi Bagi Tahun 2003



Rajah 4.3: Komposisi Penggunaan Dana Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Dengan merujuk Jadual 4.15 dan 4.16, di sepanjang tempoh kajian didapati kecenderungan koperasi untuk menggunakan dananya adalah bagi pelaburan aset. Pada tahun 2005 didapati 97 peratus koperasi melibatkan diri dalam pelaburan ini. Tren penglibatan ini telah meningkat sepanjang tempoh kajian iaitu dari 261 koperasi pada 2003 kepada 262 koperasi (2004) dan 265 koperasi (2005). Ini mungkin disebabkan jalan mudah oleh Anggota Lembaga untuk mengumpul aset koperasi melalui pelaburan ini dengan nilai maksimum sehingga RM26 juta pada 2005.

Penglibatan terhadap syer tak siar harga atau saham amanah menjadi tumpuan kedua di mana tren juga menunjukkan angka meningkat dari 215 koperasi pada 2003 meningkat kepada 222 (2004) dan 224 (2005). Ini mungkin disebabkan banyaknya terbitan saham amanah yang baru di pasaran. Pada 2005 didapati terdapat koperasi melabur dalam saham amanah sehingga RM9 juta dan yang paling sedikit RM1,000. Tren koperasi melaburkan dananya dalam simpanan tetap juga menunjukkan angka meningkat dari 137 koperasi pada 2003 kepada 143 koperasi (2004) dan 145 koperasi (2005). Bagi tahun 2005 terdapat koperasi telah melabur dalam simpanan tetap di bank sehingga RM29 juta sedangkan faedah yang diperoleh oleh koperasi adalah tidak sampai 4 peratus setahun.

Koperasi yang terlibat dalam pelaburan subsidiari pada tahun 2003 adalah paling sedikit iaitu 13 koperasi. Manakala pada tahun 2004 dan 2005 sejumlah 14 koperasi telah melabur dalam subsidiari sehingga nilai maksimum RM2.5 juta. Koperasi kurang melibatkan diri dalam pelaburan subsidiari mungkin disebabkan kekangan memerlukan kelulusan dari Pendaftar terlebih dahulu di samping hanya kelulusan diberikan untuk aktiviti pelancongan dan insurans sahaja yang menggunakan Akta yang berlainan dari Akta Koperasi 1993.

Jadual 4.15: Penglibatan Pemilikan Pelaburan Aset Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Pelaburan /Tahun	2003		2004		2005	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Aset Tetap	261	95	262	96	265	97
Syer Tak Siar Harga	215	78	222	81	224	82
Penghutang	165	60	166	61	163	59
Simpanan Tetap	137	50	143	52	145	53
Syer Siar Harga	135	49	135	49	137	50
Pinjaman Anggota	91	33	93	34	91	33
Subsidiari	13	4	14	5	14	5

Penglibatan koperasi yang dikaji dalam aktiviti ekonomi bagi tahun 2003 hingga 2005 ditunjukkan pada Jadual 4.16 sementara penglibatan koperasi dalam aktiviti ekonomi bagi tahun 2005 dengan lebih mendalam dirumuskan pada Jadual 4.18. Dari Jadual 4.17 menunjukkan koperasi cenderung menggunakan dana untuk membiayai aktiviti kontrak diikuti aktiviti perkhidmatan dan kedai. Bagi aktiviti kontrak ada koperasi yang menggunakan dana sehingga RM6.6 juta diikuti perkhidmatan sehingga RM7.3 juta dan kedai sehingga RM6 juta. Sementara aktiviti yang paling kurang mendapat perhatian ialah aktiviti usaha sama, perumahan dan ternakan. Bagi aktiviti usaha sama, ada koperasi memperuntukkan dana sehingga RM1.9 juta diikuti perumahan sehingga RM3.8 juta dan ternakan sehingga RM190 ribu. Walaupun aktiviti usaha sama dan perumahan kurang mendapat perhatian, sepanjang tempoh kajian menunjukkan kedua-dua aktiviti ekonomi ini mulai mendapat tempat dengan peningkatan penyertaan yang agak ketara.

Jadual 4.16: Penglibatan Pemilikan Pelaburan Aset Koperasi Bagi Tahun 2005

Pelaburan Aset 2005	Bil	%	Median (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Aset Tetap	265	97	112,120	1100	25,941,370
Syer Tak Siar Harga	224	82	39,350	1000	8,793,314
Penghutang	163	59	78,064	648	37,248,559
Simpanan Tetap	145	53	133,205	840	29,000,000
Syer Siar Harga	137	50	36,870	581	2,743,523
Pinjaman Anggota	91	33	633,215	1,524	2,000,008
Subsidiari	14	5	313,752	1,140	2,527,471

Jadual 4.17: Penglibatan Aktiviti Ekonomi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Aktiviti Koperasi	2003		2004		2005	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kontrak	102	37.2	107	39.1	105	38.3
Perkhidmatan	53	19.3	57	20.8	58	21.2
Kedai	53	19.3	52	19.0	51	18.6
Pengangkutan	52	19	50	18.2	50	18.2
Stesen Minyak	28	10.2	28	10.2	27	9.9
Perladangan	25	9.1	29	10.6	30	10.9
Perindustrian	6	2.2	6	2.2	6	2.2
Pembangunan Tanah	4	1.5	6	2.2	5	1.8
Ternakan	3	1.1	4	1.5	4	1.5
Perumahan	3	1.1	4	1.5	6	2.2
Usaha sama	1	0.4	1	0.4	11	4

Berdasarkan Jadual 4.18 di bawah juga menunjukkan aktiviti yang paling banyak menggunakan dana ialah aktiviti usaha sama melibatkan majoriti sebanyak RM960,275 diikuti perladangan RM389,695 dan kontrak RM366,505. Sehubungan itu, koperasi perlu berhati-hati apabila menceburi bidang ini kerana penggunaan dananya agak besar di mana Anggota Lembaga perlu bijak bertindak bagi kepentingan anggota.

Jadual 4.18: Penglibatan Aktiviti Ekonomi Koperasi Bagi Tahun 2005

Aktiviti 2005	Bil	%	Median (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Kontrak	105	38.3	366,505	20	6,610,767
Perkhidmatan	58	21.2	68,325	100	7,354,115
Kedai	51	18.6	105,651	1,318	6,013,477
Pengangkutan	50	18.2	124,562	200	2,999,396
Perladangan	30	10.9	389,695	3,445	8,546,707
Stesen Minyak	27	9.9	132,688	666	15,472,058
Usaha sama	11	4.0	960,275	11,294	1,903,255
Perumahan	6	1.8	131,518	94,994	3,812,903
Perindustrian	6	1.8	38,676	350	327,377
Pembangunan Tanah	5	2.2	168,492	121,887	715,686
Ternakan	4	1.5	26,667	2,035	185,260

Jika dibandingkan kecenderungan pembiayaan terhadap aktiviti kontrak berdasarkan fungsi koperasi pula, Jadual 4.19 menjelaskan pada tahun 2005 hanya 105 koperasi yang cenderung membiayai aktiviti ini iaitu 38 peratus. Lebih separuh atau 53 peratus koperasi yang menjalankan aktiviti kontrak memperuntukkan kurang RM50 ribu untuk menjalankan aktiviti ini. Sementara koperasi yang memperuntukkan pembiayaan lebih dari RM3 juta ada 6 koperasi. Koperasi fungsi kredit dan pengangkutan merupakan koperasi yang paling banyak menceburi aktiviti kontrak iaitu 33 koperasi diikuti koperasi pengguna 16 koperasi. Kajian ini menunjukkan 33 koperasi fungsi kredit yang sepatutnya memberi tumpuan terhadap aktiviti kredit cenderung menjalankan aktiviti kontrak. Bagaimanapun

terdapat 21 koperasi fungsi kredit membiayai aktiviti kontrak bernilai di bawah RM20 ribu. Hanya satu koperasi kredit sahaja yang memperuntukkan dana lebih RM3 juta untuk aktiviti ini.

Jadual 4.19: Penggunaan Dana Untuk Aktiviti Ekonomi Bagi Tahun 2005
Mengikut Fungsi

Fungsi Koperasi/Julat	Julat Pembiayaan Aktiviti Kontrak 2005 (RM)					Jumlah
	< 500,000	500,001 - 1,000,000	1,000,001 - 2,000,000	2,000,001 - 3,000,000	> 3 Juta	
Kredit/ Kewangan	21	7	4	0	1	33
Perladangan	1	3	1	0	0	5
Perumahan	1	0	1	0	1	3
Perindustrian	1	0	0	0	0	1
Pengguna	9	3	2	1	1	16
Pembinaan	3	3	0	0	1	7
Pengangkutan	16	7	8	0	2	33
Perkhidmatan	4	0	3	0	0	7
	56	23	19	1	6	105
Peratus	53	22	18.1	0.9	6	

4.1.3 Pendapatan Aktiviti

Berdasarkan Pekeliling Ketua Pendaftar Bil 1/2005, pengkaji telah menetapkan koperasi yang dikaji menjalankan aktiviti ekonomi dan memperoleh pendapatan melalui aktiviti berikut:

- a. Kredit/pinjaman anggota
- b. Kedai atau pasar raya
- c. Stesen minyak
- d. Perindustrian

- e. Ternakan
- f. Perumahan
- g. Kontrak
- h. Pengangkutan
- i. Pembangunan tanah
- j. Perkhidmatan
- k. Perladangan
- l. Usaha sama
- m. Pelaburan

Bagi menjawab objektif ketiga untuk mengenal pasti sumber pendapatan aktiviti koperasi, frekuensi digunakan untuk melihat kecenderungan koperasi sementara nilai median digunakan untuk menunjukkan majoriti kerana nilai mean dan median yang terlalu berbeza di samping sisihan piawai yang agak tinggi. Nilai minimum dan maksimum juga diambil kira untuk menunjukkan pendapat terendah dan tertinggi yang diperolehi bagi setiap aktiviti.

Pendapatan koperasi yang dikaji dirumuskan dalam Jadual 4.20 dan 4.21 di bawah. Boleh dikatakan majoriti 90 peratus koperasi yang dikaji mendapat pendapatan dari aktiviti pelaburan aset yang diceburi dengan nilai median hampir RM20 ribu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21. Hasil pelaburan aset ini koperasi memperoleh pendapatan terendah sebanyak RM11 dan paling tinggi sehingga RM3.2 juta. Aktiviti perkhidmatan dan kontrak turut mendapat perhatian koperasi di mana aktiviti perkhidmatan memberi pulangan tertinggi sehingga RM7 juta dengan nilai majoriti (median) RM22 ribu.

Sementara aktiviti kontrak pula memberi nilai pulangan tertinggi sehingga RM7.2 juta. Bagaimanapun tidak sampai separuh koperasi yang dikaji memperoleh pendapatan dari penglibatan dalam aktiviti ini. Bagi aktiviti perkhidmatan didapati bilangan koperasi yang memperoleh pendapatan dari aktiviti ini meningkat dari 126 koperasi pada 2003 kepada 129 koperasi (2004) dan 133 koperasi (2005). Ini menunjukkan koperasi yang cenderung membiayai dan seterusnya menjalankan aktiviti perkhidmatan memperoleh pendapatan yang agak lumayan dari aktiviti tersebut.

Jadual 4.20 : Penglibatan Koperasi Dalam Pendapatan Aktiviti
Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Aktiviti Koperasi	2003		2004		2005	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Pelaburan Aset	245	89.4	253	92.3	247	90.1
Perkhidmatan	126	46.0	129	47.1	133	48.5
Kontrak	118	43.0	119	43.4	119	43.4
Kredit	71	25.9	74	27.0	75	27.4
Pengangkutan	63	23.0	60	21.9	58	21.2
Kedai	53	19.3	57	20.8	57	20.8
Perladangan	32	11.7	35	12.8	36	13.1
Stesen Minyak	29	10.6	29	10.6	27	9.9
Pembangunan Tanah	7	2.5	5	1.8	5	1.8
Perumahan	7	2.5	8	2.9	8	2.9
Perindustrian	6	2.2	6	2.2	5	1.8
Usahasama	4	1.5	4	1.5	6	2.2
Ternakan	4	1.5	5	1.8	6	2.2

Selaras dengan penglibatan pembiayaan bagi aktiviti yang kurang mendapat perhatian iaitu aktiviti ternakan, usaha sama dan perindustrian, kecenderungan koperasi memperoleh pendapatan dari aktiviti tersebut juga sedikit. Bagaimanapun nilai pulangan tertinggi yang diperoleh dari aktiviti yang kurang mendapat perhatian ini agak memberangsangkan. Aktiviti perindustrian memperoleh pendapatan tertinggi sehingga RM200 ribu sementara aktiviti pembangunan tanah sehingga RM700 ribu dan ternakan sehingga RM90 ribu. Ini menunjukkan walaupun aktiviti tersebut kurang mendapat perhatian tetapi pulangan yang diperoleh agak lumayan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21. Bagi tahun 2005, aktiviti perladangan telah memberi pulangan pendapatan tertinggi sehingga RM8.6 juta diikuti aktiviti kontrak RM7.2 juta, perkhidmatan RM7.1 juta, perumahan 4.1 juta, kredit RM3.6 juta dan pelaburan aset RM3.2 Juta. Ini

menunjukkan aktiviti yang paling diminati oleh koperasi iaitu pelaburan aset hanya memberi pulangan di tangga ke-6 tertinggi dengan majoriti pendapatan tidak sampai RM20 ribu.

Jadual 4.21 : Penglibatan Koperasi Dalam Pendapatan Aktiviti Bagi Tahun 2005

Aktiviti Koperasi	Bil	%	Median (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Pelaburan Aset	247	90.1	19,682	11	3,237,314
Perkhidmatan	133	48.5	22,475	25	7,123,518
Kontrak	119	43.4	311,879	72	7,266,428
Kredit	75	27.4	97,510	325	3,460,487
Pengangkutan	58	21.2	97,705	200	3,044,424
Kedai	57	20.8	111,713	417	6,009,366
Perladangan	36	13.1	208,798	3,000	8,606,870
Stesen Minyak	27	9.9	159,678	4,047	2,000,007
Perumahan	8	2.9	310,313	20,949	4,160,000
Usahasama	6	2.2	117,500	11,000	1,942,885
Ternakan	6	2.2	10,305	1,170	90,388
Pembangunan Tanah	5	1.8	146,437	12,758	687,044
Perindustrian	5	1.6	37,186	1,271	200,667

Berdasarkan Jadual 4.22 yang menyenaraikan purata (median) perolehan pendapatan tertinggi daripada aktiviti yang diceburi oleh koperasi menunjukkan, aktiviti kontrak memberi pulangan pendapatan yang tertinggi diikuti perumahan dan perladangan. Berbanding dengan aktiviti pelaburan aset di mana majoriti koperasi menceburi bidang ini menduduki senarai ke 12 di mana pulangan purata pendapatannya tidak sampai RM20 ribu. Walaupun aktiviti perumahan tidak mendapat perhatian oleh koperasi iaitu lapan (8) koperasi sahaja tetapi pulangan pendapatan yang diperolehi agak banyak dengan purata RM310 ribu. Sehubungan itu, koperasi sepatutnya perlu pandai melaburkan sumber dana kepada aktiviti

yang boleh memberikan pulangan pendapatan yang menguntungkan koperasi bukannya melaburkan sumber dana yang banyak terhadap sesuatu aktiviti tetapi pulangannya tidak begitu memberangsangkan. Terdapat aktiviti yang kurang mendapat perhatian koperasi seperti pembangunan tanah, perindustrian, usaha sama dan ternakan di mana lebih kurang lima (5) hingga lapan (8) koperasi terlibat dalam aktiviti ini tetapi pulangannya diperoleh agak banyak sehingga melebihi RM10 ribu.

Jadual 4.22 : Pulangan Pendapatan Tertinggi Aktiviti Koperasi
Bagi Tahun 2005 (median)

Aktiviti Koperasi	Bil	%	Median (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Kontrak	119	43.4	311,879	72	7,266,428
Perumahan	8	2.9	310,313	20,949	4,160,000
Perladangan	36	13.1	208,798	3,000	8,606,870
Stesen Minyak	27	9.9	159,678	4,047	2,000,007
Pembangunan Tanah	5	1.8	146,437	12,758	687,044
Usahasama	6	2.2	117,500	11,000	1,942,885
Kedai	57	20.8	111,713	417	6,009,366
Pengangkutan	58	21.2	97,705	200	3,044,424
Kredit	75	27.4	97,510	325	3,460,487
Perindustrian	5	1.6	37,186	1,271	200,667
Perkhidmatan	133	48.5	22,475	25	7,123,518
Pelaburan Aset	247	90.1	19,682	11	3,237,314
Ternakan	6	2.2	10,305	1,170	90,388

4.1.4 Pembahagian Untung Bersih

Koperasi memperoleh lebih pendapatan hasil dari pelaburan yang dilakukan terhadap aktiviti koperasi dengan menggunakan dana yang dimiliki. Maklumat untung/rugi koperasi yang dikaji bagi tahun 2003 hingga 2004 dirumuskan dalam

Jadual 4.23 di bawah. Bagi tahun 2005 sebanyak 61 (22%) koperasi yang dikaji mengalami kerugian sementara 213 (78%) koperasi memperoleh keuntungan. Sebanyak 11 peratus koperasi memperoleh keuntungan antara RM50,001 hingga RM100,000 sementara 20 peratus koperasi memperoleh keuntungan antara RM100,001 hingga RM500,000. Hanya lapan (8) peratus koperasi memperoleh keuntungan bersih lebih dari RM500,000. Keuntungan tertinggi yang diperoleh oleh koperasi ialah RM4,100,078. Secara majoriti lebih separuh koperasi yang dikaji memperoleh keuntungan hinggalah RMRM50,000 iaitu diwakili oleh sebanyak 38 peratus koperasi bagi tahun 2003, 35 peratus bagi tahun 2004 dan 39 peratus bagi tahun 2005.

Koperasi yang mengalami kerugian bagaimanapun telah meningkat dari 47 koperasi pada 2003 kepada 51 koperasi pada 2004 dan 61 koperasi pada 2005. Sementara koperasi yang mendapat keuntungan lebih dari RM500,000 telah meningkat dari 19 koperasi pada 2003 kepada 22 koperasi pada 2004 dan 22 koperasi pada 2005.

Jadual 4.23 : Julat Untung Rugi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Untung rugi/ Tahun	2003		2004		2005	
	Bil Koperasi	%	Bil Koperasi	%	Bil Koperasi	%
< 0	47	17.2	51	18.6	61	22.3
1 - 50K	103	37.6	95	34.7	106	38.7
50001 - 100K	43	15.7	50	18.2	29	10.6
100001 - 500K	62	22.6	56	20.4	56	20.4
> 500001	19	6.9	22	8.0	22	8.0
Jumlah	274	100.0	274	100.0	274	100.0


Jadual 4.23 juga merumuskan lebih keuntungan koperasi yang dikaji bagi tahun 2003 hingga 2004. Kajian ini menunjukkan sepanjang kajian dijalankan lebih 30 peratus koperasi yang dikaji mengagihkan untung bersih sehingga RM50 ribu. Pengagihan keuntungan ini bergantung kepada keuntungan bersih yang diperoleh oleh koperasi pada akhir tahun kewangannya. Sepanjang kajian didapati prestasi pengagihan koperasi mengalami turun naik. Bagaimanapun angka kenaikan dan penurunannya tidaklah begitu ketara.

Jadual 4.24 menunjukkan pada tahun 2003, terdapat koperasi yang memperoleh keuntungan maksimum sehingga RM4,100,078. Keuntungan maksimum tersebut telah meningkat pada tahun 2004 iaitu sebanyak RM5,781,901. Bagaimanapun keuntungan tersebut menurun pada tahun 2005 kepada RM4,626,657.

Jadual 4.24 : Untung Rugi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005

Keterangan/Tahun	2003	2004	2005
Bil Koperasi Rugi	47	51	61
Bil Koperasi Untung	227	223	213
Median	RM33,822	RM38,159	RM30,498
Mean	RM160,823	RM178,360	RM163,207
Minimum	RM211	RM18	RM250
Maksimum	RM4,100,078	RM5,781,901	RM4,626,657

Rajah 4.4: Prestasi Untung rugi Koperasi Bagi Tahun 2003 hingga Tahun 2005



Graf pencapaian keuntungan koperasi bagi tahun 2003 hingga 2005 ditunjukkan dalam Rajah 4.4 di atas, di mana garisan paling atas adalah majoriti koperasi yang memperoleh pendapatan bersih kurang dari RM50 ribu. Sementara garisan paling bawah menunjukkan bilangan koperasi yang memperoleh pendapatan bersih lebih RM500 ribu adalah sedikit iaitu antara 19 koperasi pada 2003, 22 koperasi bagi tahun 2004 dan 2005 masing-masing.

Seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, keuntungan bersih koperasi perlu mengagihkan 12 peratus kepada Kumpulan Wang Rizab Modal, 2 peratus untuk Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi sementara 1 peratus pula untuk Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi. Bagaimanapun pengagihan keuntungan ini tertakluk kepada koperasi yang memperoleh keuntungan bersih lebih daripada RM2,000.

Bagi menjawab objektif ke empat (4) kajian untuk mengenal pasti ke mana koperasi mengagihkan keuntungannya, nilai frekuensi, median, minimum dan maksimum serta *cross tabulation* digunakan. Selain pembahagian yang diwajibkan oleh Akta Koperasi 1993 iaitu pengagihan 12 peratus dari untung kepada Kumpulan Wang Rizab, 2 peratus kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan 1 peratus kepada kumpulan Wang Amanah Pembangunan, koperasi turut membahagikan

keuntungan yang diperoleh kepada potongan langganan, pulangan atas simpanan anggota, dividen syer, dividen yuran, honorarium, kumpulan wang, peruntukan cukai dan zakat.

Berdasarkan Jadual 4.25, pada tahun 2003 secara majoritinya sebanyak 166 koperasi cenderung untuk mengagihkan untung bersihnya kepada pemberian dividen modal syernya sehingga 37 peratus (median=36.7) diikuti pemberian honorarium kepada Anggota Lembaga sehingga 9.5 peratus, kumpulan wang atau tabung 13.7 peratus dan dividen yuran 11 peratus.

Jadual 4.25 : Peratus Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2003

Untung Bersih/ Peratus Pengagihan 2003		Bil Pengagihan			Peratus Pengagihan		
		Bil	Peratus	Median	Median	Mean	SP*
1	Dividen syer	166	60.6	10,325	36.7	38.9	23.4
2	Honorarium	148	54	5,000	9.5	11.6	9.3
3	Kumpulan Wang/ Tabung	143	52	8,847	16.7	22.2	17.7
4	Zakat	76	27.7	3,942	7.9	13.8	17.4
5	Dividen yuran	41	15	130,154	66.1	61.6	21.7
6	Rebet	6	2.1	5,621	9.5	16.3	20.5
7	Cukai	3	1.1	45,362	18.9	17.0	4.7
8	Hadiah langganan	2	0.7	11,086	7.6	7.6	0.5

Maklumat pengagihan untung bersih koperasi bagi tahun 2004 dan 2005 ditunjukkan dalam Jadual 4.26 dan 4.27 masing-masing. Bagi tahun 2004 dan 2005 bilangan koperasi yang mengagihkan untung untuk dividen syer berkurangan. Ini selari dengan bilangan koperasi yang rugi pada tahun 2004 sementara koperasi yang untung pada tahun 2005 telah bertambah.

Jadual 4.26 : Peratus Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2004

Untung Bersih/ Peratus Pengagihan 2004		Bil Pengagihan			Peratus Pengagihan		
		Bil	Peratus	Median	Median	Mean	SP*
1	Dividen syer	164	59.9	12,410	37.4	39.5	24.4
2	Honorarium	150	54.7	4500	9.7	10.0	6.1
3	Kumpulan Wang/ Tabung	144	52.6	8000	18.0	21.6	16.3
4	Zakat	87	31.8	4500	8.1	13.9	19.3
5	Dividen yuran	43	15.7	76,717	64.3	56.1	23.0
6	Cukai	12	4.4	28600	15.9	30.9	34.9
7	Rebet	6	2.1	6654	10.4	15.6	17.0
8	Hadiah langganan	2	0.7	12822	8.27	8.27	0.1

Bilangan koperasi yang terlibat menjalankan aktiviti pinjaman anggota sebanyak 91 koperasi (33%). Bagaimanapun hanya sebahagian sahaja mampu mengagihkan dividen kepada anggota dari modal yuran yang disumbangkan oleh anggota. Sepanjang tempoh kajian, didapati bilangan koperasi yang mengagihkan dividen yuran meningkat dari 41 koperasi pada 2003 kepada 43 koperasi (2004) dan 47 koperasi (2005) dengan majoriti sehingga RM130,154 pada 2003, RM76,717 (2004) dan RM103,954 (2005). Sementara koperasi yang memberi hadiah langganan pula hanya 2 koperasi pada tahun 2003 dan 2004. Manakala pada 2005 bilangan koperasi yang memberi hadiah langganan meningkat kepada 4 koperasi. Apa yang menarik dalam pengagihan ini di mana bilangan koperasi yang menunaikan zakat perniagaannya telah meningkat dari 76 koperasi pada 2003 kepada 87 koperasi (2004) dan 99 koperasi (2005). Di sini menunjukkan kesedaran koperasi yang dikaji untuk menunaikan kewajipan zakat telah meningkat sepanjang tempoh kajian ini.

Jadual 4.27 : Peratus Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun 2005

Untung Bersih/Peratus Pengagihan 2005		Bil Pengagihan			Peratus Pengagihan		
		Bil	Peratus	Median	Median	Mean	SP*
1	Dividen syer	164	59.9	12649	40.2	40.8	24.8
2	Honorarium	142	51.8	4472	8.8	9.8	7.5
3	Kumpulan Wang/ tabung	137	50.0	9000	13.4	20.7	18.0
4	Zakat	99	36.1	4150	8.2	20.8	29.4
5	Dividen yuran	47	17.2	103,954	64.3	56.9	24.0
6	Cukai	10	3.6	22823	11.1	17.1	16.9
7	Rebet	6	2.1	8675	12.5	15.8	12.1
8	Hadiah langganan	3	1.1	4893	12.9	15.8	11.9

Jadual 4.28, 4.29 dan 4.30 pula menunjukkan bilangan koperasi mengikut fungsi yang telah mengagihkan dividen yuran kepada anggotanya. Kajian ini menunjukkan dari 67 koperasi fungsi kredit yang terlibat dalam kajian ini hanya 20 peratus atau 14 koperasi telah memberikan dividen yuran kepada anggotanya pada tahun 2005. Bagi tahun 2005 sebanyak 5 koperasi telah mengagihkan dividen antara RM200 ribu hingga RM500 ribu manakala 6 koperasi mengagihkan dividen kurang RM50 ribu. Bagaimanapun tiada koperasi fungsi kredit yang mengagihkan dividen yuran lebih RM500 ribu. Berbanding tahun sebelumnya prestasi pemberian dividen yuran koperasi fungsi kredit bagi tahun 2005 adalah lebih baik kerana bilangan koperasi yang mengagihkan dividen lebih RM100 ribu adalah 8 koperasi pada 2005. Sementara pada 2004 tiada koperasi fungsi kredit yang mengagihkan dividen lebih RM100 ribu berbanding 7 koperasi pada 2003. Pada keseluruhannya kajian ini menunjukkan 20 peratus koperasi fungsi kredit mampu mengagihkan untung bersihnya kepada dividen yuran selaras dengan aktiviti pinjam meminjam dalam kalangan anggota koperasi yang diwajibkan mencarum pada setiap bulan.

Sementara itu, 11 koperasi pengguna dan pengangkutan masing-masing telah mengagihkan untung bersihnya kepada dividen yuran. Ini menunjukkan walaupun aktiviti ini bukan aktiviti utama koperasi tersebut, koperasi mampu memberi pulangan kepada pelaburan anggotanya sehingga maksimum lebih dari RM500 ribu. Jika dikaji nilai pengagihan dividen yuran tertinggi, kajian menunjukkan koperasi perladangan berkemampuan mengagihkan dividen yuran melebihi RM500 ribu iaitu 2 koperasi (2005) diikuti 1 koperasi (2004) dan 2 koperasi (2003). Ini menunjukkan koperasi pengguna berkemampuan memberi pulangan dividen yang lebih baik berbanding koperasi kredit itu sendiri.

Jadual 4.28 : Bilangan Koperasi mengikut Julat Pengagihan Dividen Yuran Bagi Tahun 2005 Berdasarkan Fungsi

Fungsi koperasi	Bil. koperasi mengikut Julat Pengagihan Dividen 2005 (RM)						Jumlah
	<10,000	10,001 - 50,000	50,001- 100,000	100,001- 200,000	200,001 - 500,000	>500,000	
Kredit/ Kewangan	3	3	0	3	5	0	14
Perladangan	2	0	1	1	0	2	6
Perindustrian	0	0	0	0	0	1	1
Pengguna	2	5	1	1	0	2	11
Pengangkutan	1	2	1	4	3	0	11
Perkhidmatan	0	0	1	1	1	1	4
Perumahan	0	0	0	0	0	0	0
Pembinaan	0	0	0	0	0	0	0
	8	10	4	10	9	6	47

Jadual 4.29 : Bilangan Koperasi mengikut Julat Pengagihan Dividen Yuran Bagi Tahun 2004 Berdasarkan Fungsi

Fungsi koperasi	Bil. koperasi mengikut Julat Pengagihan Dividen 2004 (RM)						Jumlah
	< 10,000	10,001 - 50,000	50,001- 100,000	100,001- 200,000	200,001 - 500,000	> 500,000	
Kredit/ Kewangan	10	3	1	0	0	0	14
Perladangan	2	1	0	1	1	1	6
Perindustrian	1	0	0	0	0	0	1
Pengguna	7	2	2	0	0	0	11
Pengangkutan	6	4	0	1	0	0	11
Perkhidmatan	3	0	0	1	0	0	4
Perumahan	0	0	0	0	0	0	0
Pembinaan	0	0	0	0	0	0	0
	29	10	3	3	1	1	47

Jadual 4.30 : Bilangan Koperasi mengikut Julat Pengagihan Dividen Yuran Bagi Tahun 2003 Berdasarkan Fungsi

Fungsi koperasi	Bil. koperasi mengikut Julat Pengagihan Dividen 2003 (RM)						Jumlah
	< 10,000	10,001 - 50,000	50,001- 100,000	100,001- 200,000	200,001 - 500,000	> 500,000	
Kredit/ Kewangan	3	3	1	2	5	0	14
Perladangan	1	2	1	0	0	2	6
Perindustrian	0	0	0	0	0	1	1
Pengguna	4	3	1	1	0	2	11
Pengangkutan	4	0	2	3	2	0	11
Perkhidmatan	0	0	1	1	2	0	4
Perumahan	0	0	0	0	0	0	0
Pembinaan	0	0	0	0	0	0	0
	12	8	6	7	9	5	47

4.2 Perbincangan

DKN pertama (tahun 2001 hingga tahun 2010) mendapati koperasi sering dilabelkan dengan masalah kekurangan modal dan anggota yang tidak aktif. Tanpa modal yang mencukupi bagaimana koperasi boleh menjalankan aktiviti ekonomi untuk menjana pendapatan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dari mana koperasi memperoleh sumber dana.

Kajian ini melibatkan koperasi yang telah ditubuhkan lebih dari 5 tahun di mana menunjukkan majoriti sumbangan caruman modal yuran bulanan anggota terhadap sumber dana dalaman koperasi mencapai hampir 50 peratus berbanding caruman modal syer anggota hanya melibatkan 21.55 peratus sahaja. Angka ini menunjukkan sumber dana dalaman koperasi amat bergantung kepada caruman modal yuran anggota. Kajian menunjukkan terdapat koperasi yang boleh mengumpul modal yuran maksimum sehingga RM57 juta berbanding modal syer RM26 juta. Ini disebabkan anggota diwajibkan mencarum modal yuran setiap bulan dan menurut garis panduan SKM, koperasi yang menjalankan aktiviti kredit mensyaratkan anggota mencarum setiap bulan sekurang-kurangnya RM30 bagi tujuan aktiviti pembiayaan koperasi terhadap anggotanya. Manakala dalam undang-undang kecil koperasi, anggota hanya diwajibkan membayar modal syer minimum sahaja tanpa gesaan untuk menambah syer tersebut walaupun terdapat had maksimum pemilikan syer anggota sehingga 20 peratus dari jumlah keseluruhan syer. Maklumat sumber dana yang diperolehi dalam kajian ini boleh dijadikan asas kajian selanjutnya untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi anggota untuk meningkatkan tabungan mereka di koperasi. Kajian lanjut ini dirasakan perlu bagi membantu koperasi baru untuk meningkatkan sumber dana mereka. Sekurang-kurangnya penemuan hasil kajian ini nanti dapat memberi garis panduan kepada koperasi baru untuk mendapat dan meningkatkan sumber dana.

Koperasi baru sering menghadapi dilema untuk mendapatkan sumber kewangan kerana gagal untuk mendapatkan kepercayaan dan sokongan dari anggota. Masalah ini jelas dilihat bagi koperasi yang baru ditubuhkan di mana jika anggota disyaratkan menyumbang modal syer minimum RM100, dengan anggota seramai 50 orang, koperasi akan memperoleh dana

sebanyak RM5,000. Berbekal modal sebanyak ini agak sukar untuk koperasi menjalankan aktiviti, apatah lagi aktiviti ekonomi yang berskala besar atau bernilai tinggi. Sehubungan itu, usaha perlu dilakukan bagi memberi kefahaman berkoperasi khususnya kepada koperasi baru untuk menarik minat dan perhatian anggota betapa istimewanya berkoperasi. Atau dengan kata lain banyak faedah yang anggota perolehi apabila menjadi anggota koperasi. Mereka perlu didedahkan yang kejayaan koperasi tidak boleh datang sekelip mata sahaja tetapi memerlukan pengorbanan setiap anggota untuk melibatkan diri dengan menyumbangkan dan meningkatkan modal khususnya modal syer masing-masing seperti yang digariskan dalam Prinsip Koperasi.

Untuk mengatasi masalah modal, JPK telah memperkenalkan Tabung Modal Pusingan. Bagaimanapun sumbangan dari tabung ini terhadap sumber dana luaran hanya melibatkan 10 peratus sahaja atau berada di tangga ke empat selepas bank, simpanan anggota dan pemiutang. Ini menunjukkan koperasi yang dikaji tidak bergantung kepada Tabung Modal Pusingan JPK, sebaliknya koperasi memperoleh sumber dana luaran sehingga 64 peratus dari institusi kewangan lain khususnya bank. Koperasi perindustrian dilihat kurang memberi perhatian terhadap sumber dana ini untuk menyuntik modal koperasi. Koperasi boleh memohon untuk mendapatkan sumber modal dari tabung ini sehingga RM10 juta. Kajian ini menunjukkan maksimum pinjaman koperasi terhadap tabung ini sekitar RM2 juta sahaja.

Kajian masa hadapan berhubung keberkesanan Tabung Modal Pusingan JPK boleh dilakukan dengan memberi fokus kepada kesan penggunaan dana ini terhadap pembangunan dan kejayaan koperasi serta mengapa koperasi lebih cenderung mendapat sumber dana luaran dari bank berbanding dari tabung ini. Pengkaji berpendapat jika koperasi bertukar kecenderungan dari terlalu bergantung kepada bank untuk mendapat sumber dana luaran kepada Tabung Modal Pusingan JPK, penemuan 10 peratus koperasi menggunakan tabung ini akan berubah di mana dari kajian ini juga menunjukkan bilangan koperasi yang menggunakan tabung ini turut meningkat sepanjang tempoh kajian.

Kerajaan turut menggalakkan penubuhan koperasi khususnya koperasi keluarga, koperasi komuniti di taman-taman perumahan, koperasi kariah masjid dan koperasi KOBERA. Pindaan terhadap Akta koperasi 2003 telah membenarkan bilangan minimum anggota semasa mesyuarat agung permulaan dari seramai 100 orang kepada 50 orang. Penubuhan koperasi yang telah dipermudahkan ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi bilangan koperasi dan bilangan anggota koperasi. Namun, bukan mudah untuk mengurus koperasi khususnya dalam menentukan aktiviti ekonomi yang perlu dilaksanakan untuk menjana pendapatan koperasi bagi memberi pulangan kepada anggota dalam bentuk perkhidmatan dan kebajikan. Pengkaji melihat tren atau kecenderungan koperasi dalam kajian ini, majoritinya menceburi pelaburan aset kerana lembaga dilihat berhati-hati dalam memobilisasikan wang koperasi agar tidak mengalami kerugian. Pelaburan aset dilihat lebih selamat kerana risiko yang kecil dan pulangnya juga kecil. Bagaimanapun dalam kajian ini terdapat koperasi melaburkan wang koperasi sehingga RM29 juta dalam simpanan tetap di bank di mana pelaburannya adalah selamat dan pulangnya terjamin. Sehubungan itu, peranan Lembaga perlu ditingkatkan untuk menentukan hala tuju koperasi yang lebih baik lagi melalui kursus dan latihan yang bersesuaian.

Selain menceburi pelaburan aset, koperasi turut menceburi aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan. Aktiviti kontrak merupakan aktiviti yang paling menarik minat koperasi diikuti perkhidmatan, kedai, pengangkutan dan perladangan. Sementara aktiviti perumahan, perindustrian, pembangunan tanah dan ternakan pula merupakan aktiviti yang paling kurang mendapat perhatian. Maklumat ini boleh dijadikan asas kepada koperasi yang baru ditubuhkan untuk memilih aktiviti paling sesuai. Jumlah modal yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti ini perlu diberi pertimbangan oleh Lembaga di mana dalam kajian ini terdapat koperasi menjalankan aktiviti stesen minyak dengan modal maksimum sehingga RM15 juta, membuka kedai runcit atau pasar mini sehingga RM6 juta, aktiviti pengangkutan sehingga RM3 juta, perladangan sehingga RM8 juta dan ternakan sehingga RM185 ribu. Bagi koperasi yang baru ditubuhkan adalah agak sukar untuk mendapatkan dana bagi membiayai aktiviti ekonomi seperti ini. Bagaimanapun, kajian ini menunjukkan koperasi kecil atau koperasi baru boleh memulakan perniagaan dengan modal minimum seperti ternakan RM2 ribu,

industri kecil RM350 dan perkhidmatan RM100. Bagaimanapun dalam strategi lautan biru, koperasi perlu membuka ruang pasaran baru dengan menjadikan pesaing dalam pasaran sedia ada tidak lagi relevan. Sehubungan itu, lembaga koperasi lama dan baru perlu kreatif dan inovatif untuk memilih produk dan perkhidmatan mereka bagi menjana pendapatan koperasi. Jika lembaga tidak ada idea atau memerlukan bimbingan, mereka boleh mendapatkan bimbingan dan khidmat nasihat dari agensi yang berkaitan dengan koperasi seperti MKM atau SKM dan agensi lain yang menyelia koperasi. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera oleh pihak-pihak yang terlibat adalah dikhuatiri koperasi baru yang ditubuhkan tidak akan dapat menjalankan sebarang aktiviti dan akhirnya menjadi tidak aktif. Senario ini adalah tidak selaras dengan hasrat DKN untuk menjadikan koperasi sebuah entiti yang berdaya saing dan mampu memberi sumbangan kepada KDNK negara.

Kajian ini juga mendapati aktiviti yang paling menguntungkan adalah dari aktiviti kontrak. Bagaimanapun terdapat koperasi yang menceburi aktiviti perladangan dengan keuntungan yang maksimum sehingga RM8.6 juta berbanding aktiviti kontrak dengan majoriti RM300 ribu. Sementara aktiviti kedai runcit memberi pulangan maksimum kepada koperasi sehingga RM6 juta dan aktiviti perkhidmatan sehingga RM7 juta. Sehubungan itu dalam DKN ke-2, kerajaan menggalakkan koperasi menceburi bidang ekonomi berpendapatan tinggi khususnya aktiviti perladangan. Koperasi perlu merebut peluang ini memandangkan kajian ini telah membuktikan aktiviti perladangan adalah di antara aktiviti yang berkemampuan memberikan pulangan yang tinggi kepada koperasi. Bagaimanapun untuk mendapatkan pulangan yang tinggi ini bukan perkara mudah. Sehubungan itu kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang dapat merangsang koperasi untuk menjalankan aktiviti dengan pulangan yang lebih tinggi. Oleh itu, kajian akan datang boleh menggunakan penemuan kajian ini untuk dijadikan asas kajian mereka. Galakan kerajaan agar koperasi menceburi bidang berpendapatan tinggi ini juga akan memberi kesan kepada penemuan kajian akan datang di mana aktiviti seperti perkhidmatan kewangan, perladangan, pemborongan dan peruncitan, pertanian dan industri asas tani, dan pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan akan mendapat perhatian koperasi.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Bab 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Berdasarkan teori kewangan, mobilisasi dana yang efisien terdapat kaitan langsung dengan penjanaan pendapatan serta keuntungan yang diperoleh. Tujuan kajian eksploratori ini dijalankan adalah untuk melihat tren bagaimana koperasi di Malaysia memperoleh dana. Hasil kajian ini akan menjelaskan jenis, bentuk dan saiz perniagaan yang diceburi oleh koperasi. Hasil kajian juga memberi gambaran fokus aktiviti koperasi di Malaysia. Secara majoritinya, 90 peratus atau 249 koperasi yang dikaji berusia lebih 10 tahun di mana pada usia ini koperasi sepatutnya pada usia matang. Usia termuda koperasi yang dikaji adalah koperasi pengguna berumur 5 tahun sementara koperasi tertua ialah koperasi kredit berumur 84 tahun. Bagi koperasi kredit purata usianya ialah 41 tahun diikuti koperasi perumahan 38 tahun dan koperasi perkhidmatan 26 tahun. Bagi koperasi termuda pula ialah koperasi pengguna dan koperasi perindustrian iaitu puratanya 15 tahun diikuti koperasi pembinaan 21 tahun.

Kajian ini mendapati majoriti koperasi yang dikaji memiliki sumber dananya dari sumber dalaman sehingga 83 peratus berbanding sumber luaran sebanyak 17 peratus. Kajian ini adalah bertepatan dengan kajian Ghani (1983) pada 1978 menunjukkan dana dalaman koperasi adalah sebanyak 65.8 peratus sementara dana luaran sebanyak 34.31 peratus. Secara umum, berdasarkan kajian ini dan kajian terdahulu menunjukkan sumber dana dalaman koperasi mengalami peningkatan dari tahun ke tahun selaras dengan pertambahan bilangan koperasi dan anggota di samping keperluan untuk memenuhi pertumbuhan koperasi. Kajian ini juga menggambarkan koperasi bergantung kepada sumber dana dalamannya khususnya modal syer (21.5%) dan modal yuran (46.83%) sebagai

sumber dana utama untuk koperasi menjalankan aktiviti. Tanpa dana yang mencukupi adalah sukar untuk koperasi menjalankan aktiviti. Kajian Ghani juga menunjukkan modal syer mewakili 29.3 peratus dari keseluruhan dana koperasi. Oleh itu, koperasi perlu menggalakkan anggota meningkatkan sumbangan syer masing-masing dan mengubah tumpuan dengan menceburi pelaburan aset yang berisiko rendah kepada aktiviti berisiko tinggi yang lebih menguntungkan seperti kontrak, perumahan dan perladangan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Koperasi masing-masing. Lembaga dan anggota perlu menjadikan koperasi mereka istimewa dengan memberikan perkhidmatan dan kebajikan yang diperlukan untuk menarik minat anggota supaya terus berkoperasi. Usaha ini memerlukan komitmen semua pihak khususnya Anggota Lembaga itu sendiri yang memimpin anggota koperasi. Tanpa kesungguhan dan komitmen tersebut koperasi itu tidak ada bezanya dengan koperasi lain.

Kajian Taimni (2002) menyatakan koperasi yang baru ditubuhkan di India menghadapi masalah untuk mendapatkan modal kerana anggota masih tidak begitu yakin dengan koperasi yang dianggotai. Pihak bank komersil pula agak ragu untuk memberi pinjaman kepada koperasi baru. Bagaimanapun dalam kajian ini, koperasi yang dikaji berumur di antara lima tahun hingga berusia 84 tahun dengan majoriti anggota sekitar 251 hingga 500 orang. Koperasi yang dikaji memperoleh sumber dana dalaman dari modal syer yang merupakan caruman wajib apabila seseorang itu menjadi anggota koperasi dan modal yuran bagi anggota yang menjalankan aktiviti pembiayaan kredit kepada anggota. Koperasi termuda dalam kajian ini yang berusia 5 tahun memperoleh dana dalaman dari modal syer sahaja sehingga RM157,998. Ini menunjukkan dalam tempoh 5 tahun sahaja koperasi fungsi Pengguna yang dikatakan masih baru ini tidak menghadapi masalah untuk mengumpul modal syer dari lebih kurang 500 anggotanya. Berbanding koperasi yang tertua dalam kajian ini mengumpul modal syer hanya sekitar RM3,460 sahaja sedangkan koperasi ini telah beroperasi selama 84 tahun. Oleh itu, komitmen anggota untuk menyumbangkan modal kepada koperasi bukan bergantung kepada berapa lama koperasi tersebut telah ditubuhkan.

Kajian Ng (2002) menunjukkan koperasi perlu efisien untuk mendapatkan pembiayaan kewangan daripada sumber dalaman sendiri dan menggunakan sumber luaran semata-mata untuk mengatasi batasan modal kerja. Sehubungan itu, koperasi perlu menggunakan kekuatan anggota untuk mendapatkan sumber modal. Kajian Ng adalah bertepatan dengan kajian Henny (1996) di Indonesia yang menunjukkan anggota mempunyai peranan penting dalam memajukan aktiviti koperasi di mana jumlah tabungan modal sangat bergantung kepada simpanan anggota secara sukarela. Kajiannya menunjukkan anggota akan meningkatkan tabungan di koperasi yang dianggotai jika koperasi tersebut dapat memberi faedah kepada mereka dalam bentuk perkhidmatan dan kebajikan. Di Malaysia, anggota perlu menyumbang modal syer seperti yang diwajibkan dalam Undang-Undang Kecil. Sementara bagi koperasi yang menjalankan kegiatan pembiayaan anggota diperlukan menyumbang caruman modal yuran bulanan sekurang-kurangnya RM30 seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan yang dikeluarkan oleh SKM. Ini menunjukkan semakin ramai koperasi itu mempunyai anggota maka semakin banyaklah dana yang boleh dikumpulkan dari caruman wajib tersebut.

Berbanding dengan modal syer, jumlah minimum syer yang perlu dijelaskan oleh anggota ditentukan oleh anggota dalam mesyuarat agung permulaannya. Kebiasaannya koperasi menetapkan syer minimum RM100, 500, 1000 tetapi terdapat juga koperasi yang menetapkan syer minimum RM30 dan RM50. Jumlah syer minimum yang kecil ini menjejaskan koperasi untuk mengumpulkan modal kerana sumbangan tersebut adalah sekali sahaja walaupun anggota digalakkan meningkatkan sumbangan mereka. Bagi koperasi baru agak sukar anggota untuk meningkatkan sumbangan modal syer mereka memandangkan prestasi koperasi tersebut belum dikenal pasti lagi.

Sementara dana luaran koperasi yang dikaji menunjukkan koperasi mendapat sumber modal daripada institusi kewangan (63%), pemiutang (15.7%), simpanan anggota (9.17%), Tabung Modal Pusingan JPK (9.10%) dan geran bantuan (2.23%).

Kajian Ng (2002) yang mengkaji kesukaran koperasi mendapat dana luaran dari institusi kewangan bagaimanapun dilihat selari dengan penemuan kajian ini di mana institusi kewangan merupakan sumber tertinggi untuk koperasi mendapat dana tambahan iaitu sehingga 63 peratus.

Majoriti koperasi yang dikaji cenderung menggunakan dananya untuk membiayai pelaburan aset (57%) berbanding aktiviti ekonomi (29%). Kajian ini juga mendapati bahawa aktiviti paling popular yang diceburi oleh majoriti koperasi ialah pelaburan aset (90%) dan perkhidmatan (49%). Sementara pulangan pendapatan dari aktiviti kontrak, perumahan dan perladangan pula merupakan aktiviti yang menunjukkan keuntungan yang tertinggi. Manakala majoriti 60 peratus koperasi mengutamakan pengagihan untung bersihnya untuk memberi dividen modal syer kepada anggota, honorarium lembaga (52%) dan mewujudkan tabung kumpulan wang (50%) selain kumpulan wang berkanun 15 peratus yang diwajibkan oleh Akta Koperasi 1993.

5.2 Rumusan Kajian

5.2.1 Sumber Dana

Secara amnya, majoriti koperasi yang dikaji :

- memiliki 83 peratus dana dari sumber dalaman yang terdiri dari kumpulan wang anggota dan modal rizab.
 - Modal syer anggota menyumbang 21.55 peratus daripada dana dalaman koperasi
 - Modal yuran pula menyumbang sehingga 46.83 peratus daripada dana dalaman koperasi
- memiliki baki 17 peratus dari sumber luaran khususnya dana yang diperolehi dari pinjaman institusi kewangan, geran, simpanan dan pemiutang.

- Institusi kewangan mewakili 63 peratus daripada dana luaran koperasi
 - Pemiutang mewakili 15.7 peratus daripada dana luaran koperasi
 - Simpanan anggota mewakili 9.17 peratus daripada dana luaran koperasi
 - Tabung Modal Pusingan JPK mewakili 9.10 peratus daripada dana luaran koperasi
 - Geran bantuan mewakili 2.23 peratus daripada dana luaran koperasi
- Ini menunjukkan koperasi lebih cenderung untuk menggunakan sumber kewangan yang dimilikinya sendiri dari sumber dalaman berbanding mendapatkannya dari sumber lain. Bagaimanapun dalam tahun yang dikaji didapati pemilikan dana daripada sumber luaran menunjukkan angka yang meningkat khususnya bagi koperasi fungsi perumahan, perladangan, pembinaan dan pengangkutan. Ini disebabkan sumber dalaman yang dimiliki tidak mencukupi untuk koperasi meluaskan pembiayaan aktiviti yang memerlukan dana yang lebih besar.

5.2.2 Kecenderungan Penggunaan Dana Koperasi

Secara majoriti, kajian ini mendedahkan koperasi lebih cenderung

- menggunakan sumber dana untuk membiayai pelaburan aset (56%) berbanding menggunakan (33%) dananya bagi membiayai aktiviti.
- Sepanjang tempoh kajian menunjukkan perbelanjaan bagi membiayai aktiviti koperasi menurun sementara perbelanjaan bagi membeli aset dan belanja am koperasi menunjukkan angka yang meningkat.
- Kajian menunjukkan 90 peratus koperasi yang dikaji melabur dalam pelaburan aset.
- Pelaburan aset yang paling banyak menggunakan dana ialah pinjaman anggota dengan majoriti RM633 ribu, diikuti subsidiari RM313 ribu dan simpanan tetap RM133 ribu.
- Sementara pelaburan aset yang paling kurang peruntukan dana ialah pelaburan syer siar harga RM36 ribu dan syer tak siar harga RM39 ribu.

- Koperasi cenderung untuk menggunakan dana bagi membiayai aktiviti kontrak. Sebanyak 38 peratus koperasi yang dikaji terlibat dengan aktiviti ini.
- Aktiviti ternakan merupakan aktiviti yang paling kurang mendapat perhatian. Hanya 1.5 peratus sahaja koperasi yang dikaji terlibat dengan aktiviti ini.
- Aktiviti yang paling banyak menggunakan dana ialah aktiviti usaha sama dengan majoriti RM960 ribu diikuti perladangan RM389 ribu dan kontrak RM367 ribu.
- Koperasi fungsi perladangan, perumahan, pengguna dan pengangkutan lebih berkecenderungan menggunakan dananya untuk meningkatkan pelaburan aset.
- Berbanding koperasi kredit, ia lebih cenderung untuk menggunakan dananya bagi membiayai aktiviti pembiayaan anggota koperasi.
- Sepanjang tahun yang dikaji, peratusan pembiayaan menunjukkan angka meningkat berbanding dengan pembiayaan untuk tujuan pelaburan aset yang menurun.
- Oleh itu koperasi khususnya anggota lembaga perlu berbelanja dengan berhemat dan perlu pandai memilih aktiviti yang sesuai dan menguntungkan berdasarkan keupayaan sumber dana yang dimiliki.

5.2.3 Perolehan Pendapatan Koperasi

Kajian menunjukkan secara majoritinya:

- 90 peratus koperasi yang dikaji memperoleh pendapatan dari pelaburan aset. Bagaimanapun jika dibandingkan dengan pendapatan dari aktiviti lain, pendapatan pelaburan aset menduduki tangga ke-12. Ini menunjukkan kecenderungan 90 peratus atau 247 koperasi yang telah memperuntukkan 56 peratus sumber dananya untuk membiayai pelaburan aset adalah tidak begitu produktif.
- Pendapatan yang paling lumayan adalah dari aktiviti kontrak dengan majoriti RM311 ribu diikuti perumahan RM310 ribu dan perladangan RM208 ribu.

- Pendapatan yang kurang memberangsangkan ialah dari aktiviti ternakan dengan majoriti RM10 ribu, pelaburan aset RM20 ribu dan perkhidmatan RM22 ribu.
- Hanya 43 peratus koperasi yang dikaji memperoleh pendapatan dari aktiviti kontrak.
- Sementara 3 peratus koperasi yang dikaji menjalankan aktiviti perumahan dengan mendapat pendapatan kedua tertinggi diikuti 13 peratus koperasi yang menjalankan aktiviti perladangan.
- Oleh itu koperasi khususnya Anggota Lembaga perlu pandai menggunakan dana koperasi untuk melabur dalam aktiviti yang boleh memberikan pulangan pendapatan yang paling menguntungkan kepada koperasi.

5.2.4 Kecenderungan Pengagihan Keuntungan Koperasi

Selain pembahagian sebanyak 12 peratus untuk kumpulan wang Rizab, 2 peratus untuk Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan 1 peratus untuk Kumpulan Wang Amanah Pembangunan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993, koperasi juga turut cenderung untuk mengagihkan keuntungan kepada pemberian dividen, honorarium dan kumpulan-kumpulan wang yang lain.

Kajian ini menunjukkan koperasi cenderung untuk mengagihkan lebih keuntungan kepada :

- pemberian dividen syer dengan kadar meningkat dari 0.6 peratus (2003) kepada 24.35 peratus (2004) dan 12.3 peratus (2005).
- Koperasi Perindustrian mengagihkan keuntungan kepada dividen syer tertinggi sehingga 37 peratus (2003) diikuti koperasi pengguna 36 peratus (2003) dan koperasi perkhidmatan 30 peratus (2003)
- pemberian dividen yuran yang menunjukkan peratusan yang meningkat dari 0.2 peratus (2003) kepada 8.99 peratus (2004) dan 10 peratus (2005).
- Koperasi perladangan dilihat mengagihkan keuntungannya kepada dividen yuran sehingga 17 peratus (2003) diikuti koperasi perkhidmatan 14 peratus (2003) dan koperasi perindustrian 13 peratus (2003).

- Kumpulan wang atau tabung-tabung yang diwujudkan dari 0.1 peratus (2003) meningkat kepada 1.7 peratus (2004) dan 0.5 peratus (2005).
- Koperasi perumahan menunjukkan pengagihan tertinggi sehingga 22 peratus (2003) diikuti koperasi perkhidmatan 17 peratus (2003) dan koperasi pengangkutan serta koperasi kredit masing-masing sehingga 14 peratus (2003).
- Honorarium Lembaga dari 0.1 peratus (2003) meningkat kepada 2.7 peratus (2004) dan 1.3 peratus (2005).
- Koperasi perumahan menunjukkan pengagihan tertinggi sehingga 11 peratus (2003) untuk honorarium lembaga diikuti koperasi kredit dan pembinaan masing-masing 9 peratus (2003). Seterusnya koperasi perindustrian, pengangkutan dan perkhidmatan mengagihkan 7 peratus (2003) masing-masing untuk honorarium lembaga.

Kajian ini menunjukkan kecenderungan untuk koperasi membayar zakat dari pembahagian keuntungan juga dengan kadar yang meningkat dari 0.1 peratus (2003) kepada 4.53 peratus (2004) dan 7.7 peratus (2005). Khususnya koperasi pengangkutan menunjukkan peningkatan dalam pengagihan zakat dari 3 peratus (2003) kepada 5 peratus (2004) dan 6 peratus (2005). Ini menunjukkan wujudnya kesedaran dalam kalangan lembaga koperasi untuk menunaikan kewajipan ini sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Sementara pengagihan koperasi untuk hadiah langganan, pulangan ke atas simpanan dan pembayaran cukai menunjukkan peratusan yang tidak begitu ketara sepanjang tahun yang dikaji.

5.2.5 Pulangan yang diperolehi berbanding dana yang dimiliki

Bagi koperasi kredit, koperasi ini memperoleh pulangan tertinggi lebih dari 75 peratus pada tahun 2003. Bagaimanapun perolehan pulangan tertinggi tersebut telah menurun kepada 50 hingga 75 peratus bagi tahun 2004 dan 25 hingga 50 peratus bagi tahun 2005. Satu lagi koperasi yang mempunyai pulangan tertinggi sehingga 75 peratus (2003) ialah koperasi perkhidmatan. Bagaimanapun pulangan bagi tahun 2004 dan 2005 menurun kepada 11 hingga

25 peratus masing-masing. Sementara koperasi pembinaan telah memperoleh pulangan tertinggi pada 2003 iaitu lebih 11 hingga 25 peratus (median=3) dan peratusan tersebut telah berkurangan pada 2004 dan 2005 kepada 1 hingga 10 peratus masing-masing. Kajian ini menunjukkan pulangan ke atas dana yang dimiliki oleh koperasi secara puratanya adalah 1 hingga 10 peratus (median = 2).

5.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti beberapa cadangan dan pandangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti kementerian yang berkaitan koperasi dan SKM. Secara umumnya, di samping MKM khususnya yang terlibat secara langsung menyediakan peluang latihan dan pendidikan untuk melahirkan modal insan warga koperasi yang mampu menyumbang ke arah memantapkan koperasi supaya lebih berdaya saing dan memberi faedah kepada anggota. Koperasi boleh menjadi sektor ketiga penting menyumbang kepada ekonomi negara melalui aktiviti yang dijalankan oleh koperasi dan perniagaan anggota itu sendiri yang bertindak sebagai usahawan koperasi.

5.3.1 Koperasi

Bagi koperasi baru, penemuan dalam kajian ini boleh digunakan untuk merancang dan menggerakkan rangka kerja bagi mengumpul sumber dana koperasi. Memandangkan kajian ini menunjukkan sumber dana koperasi diperoleh dari sumber dalaman khususnya modal syer dan modal yuran, koperasi perlu memberi kefahaman kepada anggotanya tentang istimewanya berkoperasi. Apabila mereka faham tentang kebaikan atau keistimewaan koperasi yang dianggotai, mereka akan memberi sokongan kepada koperasi dengan menambah modal syer dan mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi. Berbekalkan modal dalaman yang disumbangkan oleh anggota inilah Lembaga Koperasi merancang untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan. Sekiranya perlu koperasi juga boleh mendapatkan pembiayaan dari

TMP, JPK sehingga RM10 juta. Bagaimanapun kelulusannya tertakluk kepada syarat dan terma yang ditentukan oleh pihak SKM.

Kajian ini menunjukkan majoriti koperasi melaburkan dananya dalam pembelian aset tetap. Bagaimanapun aktiviti ekonomi yang paling banyak diceburi oleh koperasi ialah aktiviti kontrak, perkhidmatan, kedai, pengangkutan dan perladangan. Sementara aktiviti yang paling menguntungkan ialah aktiviti kontrak dan pembangunan tanah. Berpandukan tren koperasi yang terlibat dalam kajian ini, koperasi yang baru ditubuhkan boleh merancang aktiviti yang boleh diceburi dan modal yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti ini. Bagaimanapun pelan perniagaan perlu disediakan untuk melihat sama ada pelaburan tersebut menguntungkan atau sebaliknya. Jika koperasi tidak dapat menyediakan pelan perniagaan, koperasi boleh mengikuti kursus yang disediakan oleh MKM.

Salah satu rasional DKN digubal adalah kerana kebanyakan koperasi mempunyai modal yang kecil. Koperasi bermodal kecil kerana modal syer minimum yang diwajibkan kepada anggota hanya sebanyak RM100 sahaja malah ada yang kurang. Jumlah tersebut adalah tidak memadai untuk koperasi mengumpul dana untuk menjalankan perniagaan yang membolehkan koperasi menjana pendapatan yang berskala besar. Koperasi perlu menggunakan kekuatan anggota dengan menggalakkan mereka meningkatkan sumbangan masing-masing sebagai bukti kesetiaan mereka terhadap koperasi yang dianggotai. Usaha ini boleh diperkukuhkan lagi dengan program kesedaran pendidikan anggota yang menekankan betapa pentingnya anggota memainkan peranan menyumbangkan modal kepada koperasi yang dianggotai seperti yang dijelaskan oleh prinsip koperasi yang menuntut anggotanya melibatkan diri dalam ekonomi koperasi dengan menyumbangkan modal.

Modal syer minimum RM100 juga tidak lagi relevan di mana Akta Koperasi 1993 pindaan 2008 membolehkan anggota menubuhkan koperasi dengan keanggotaan minimum 50 orang sahaja berbanding 100 orang mengikut Akta yang lama. Dengan bilangan anggota seramai 50 orang, modal syer yang dikumpulkan berjumlah RM5,000 sahaja. Berbekalkan modal sebanyak itu bagaimana koperasi dapat

memulakan perniagaan dengan skala besar. Koperasi sepatutnya berdikari dengan menggunakan kekuatan anggota untuk mengumpul dana tanpa bergantung kepada sumber luaran. Dengan modal minimum yang lebih besar akan menguji kesediaan dan kesetiaan anggota terhadap koperasi yang dianggotai. Jika anggota seramai 50 orang menyumbang RM1000 setiap orang, koperasi akan mengumpul dana sebanyak RM50,000 jauh lebih banyak berbanding hanya RM5,000 jika sumbangan modal syer minimumnya setakat RM100 sahaja. Bagaimanapun koperasi boleh menggunakan sumber dana luaran untuk membiayai aktiviti ekonomi yang sedang berkembang sekiranya dana dalaman tidak mencukupi. Koperasi perlu berhati-hati memilih aktiviti yang benar-benar mampu memberi pulangan yang baik supaya penggunaan dana luaran dapat digunakan dengan kos yang lebih efektif.

Koperasi perlu menjadikan kewujudannya istimewa dalam kalangan anggota supaya koperasi akan terus relevan kerana produk dan perkhidmatan sentiasa diperlukan oleh anggota. Bagi menarik minat anggota untuk terus berkoperasi, koperasi perlu menjaga kepentingan anggota dengan mewujudkan insentif dalam bentuk pulangan terhadap pelaburan anggota dan mewujudkan tabung-tabung yang boleh digunakan oleh anggota bagi tujuan tertentu berbentuk perkhidmatan dan kebajikan.

Kajian ini menunjukkan selepas mengagihkan untung bersih kepada pembahagian berkanun sebanyak 15 peratus, koperasi cenderung untuk mengagihkan untung bersih bagi memberi dividen syer kepada anggota diikuti memberi honorarium terhadap sumbangan lembaga dan kepada kumpulan-kumpulan wang yang diwujudkan. Kajian ini turut mendedahkan bilangan koperasi yang memberikan dividen yuran kepada anggota kerana membiayai aktiviti pembiayaan telah meningkat sepanjang tempoh kajian. Sebaiknya pembiayaan yang disediakan oleh koperasi dapat membantu anggota menjadi usahawan koperasi seperti untuk tujuan membeli peralatan atau kemudahan lain bagi anggota menjalankan perniagaannya. Pembiayaan sebegini adalah perlu digalakkan kerana aktiviti ini secara tidak langsung dapat membantu anggota meningkatkan taraf sosio dan ekonomi masing-masing.

Kajian ini menunjukkan majoriti 90 peratus koperasi yang dikaji lebih cenderung untuk membiayai pelaburan aset yang kurang berisiko berbanding membiayai aktiviti koperasi berbentuk perniagaan yang berisiko tinggi. Kajian ini juga menunjukkan aktiviti yang paling banyak memberi pulangan ialah aktiviti kontrak, perumahan, usaha sama, dan perladangan. Sementara aktiviti yang paling kurang memberi pulangan ialah ternakan, pelaburan aset dan perkhidmatan. Oleh itu, koperasi khususnya Anggota Lembaga perlu berani melaburkan dana koperasi dengan menerokai aktiviti-aktiviti yang mendatangkan pulangan yang lebih baik kepada koperasi berbanding dengan membiayai 56 peratus dari dana untuk pelaburan aset tetapi hasilnya kurang memberangsangkan. Bagi membolehkan Anggota Lembaga supaya lebih berani melaburkan dananya kepada aktiviti yang berskala besar, mereka perlu dibekalkan dengan ilmu yang relevan. Tanpa berbekalkan ilmu tersebut mereka tidak akan dapat melihat peluang tersebut sebaliknya lebih selesa melaburkan dana koperasi kepada pelaburan yang berisiko rendah walaupun mereka menyedari yang keuntungannya tidaklah begitu banyak. Oleh itu, usaha yang lebih gigih perlu dilakukan oleh pihak tertentu khususnya MKM bagi menarik minat Anggota Lembaga untuk mendapatkan ilmu yang berkaitan.

Koperasi juga wajar muhasabah diri dengan mengadakan program *retreat* untuk *review* pencapaian atau prestasi koperasi sedia ada. Adalah wajar koperasi melihat semula aktiviti yang diceburi adakah berbaloi dengan sumber dana yang dilaburkan. Berpandukan kajian ini koperasi bolehlah melihat peluang dan idea baru bagaimana untuk meningkatkan sumber dana di samping melaburkan dana koperasi kepada aktiviti yang memberikan pulangan yang boleh memberi pulangan yang lumayan kepada koperasi. Agenda ini perlu dirancang dan dilaksanakan setiap tahun bagi pihak anggota untuk kepentingan koperasi.

5.3.2 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Berpandukan kepada penemuan kajian ini, SKM boleh memainkan peranan mereka untuk membantu koperasi mengembangkan perniagaan sedia ada kepada perniagaan berskala besar. Tumpuan kepada aktiviti perniagaan

berpendapatan tinggi seperti kewangan, perladangan dan pertanian akan dapat meningkatkan lagi sumbangan koperasi dalam KDNK negara dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk koperasi beroperasi. Sokongan dengan menyediakan sumber dana luaran melalui TMP dengan had pembiayaan yang lebih tinggi akan dapat mengubah senario gerakan koperasi di negara ini. Kajian menunjukkan tumpuan koperasi untuk menggunakan TMP menduduki tempat keempat selepas bank, pemiutang dan simpanan anggota. Kajian ini menunjukkan koperasi lebih bergantung kepada kemudahan yang disediakan oleh bank berbanding tabung TMP yang menyediakan kemudahan yang sama. Sehubungan itu, promosi yang lebih hebat perlu dilaksanakan di samping tempoh kelulusan yang lebih singkat mungkin dapat membantu koperasi yang memerlukan dana luaran dengan kadar yang lebih cepat untuk menyuntik modal bagi menjana ekonomi koperasi.

5.3.3 Maktab Koperasi Malaysia (MKM)

Sebagai pusat latihan kecemerlangan koperasi, MKM perlu fokus memberi latihan dan pendidikan yang diperlukan oleh modal insan koperasi supaya lebih kompeten untuk menggerakkan koperasi mereka ke arah hala tuju yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, MKM perlu menyediakan program latihan yang mampu menggerakkan modal insan koperasi khususnya dalam kalangan Lembaga dan warga kerja koperasi supaya lebih berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten dalam menjalankan tugas mereka seharian. Kursus berkaitan perancangan strategik perlu dilaksanakan dengan memberi fokus kepada penetapan perancangan pencapaian prestasi koperasi. Kursus sedemikian akan membantu lembaga dan warga koperasi mengenal pasti hala tuju koperasi di samping memberi tumpuan untuk koperasi menceburi aktiviti ekonomi yang berpendapatan tinggi.

Memandangkan majoriti Anggota Lembaga berkelulusan setakat peringkat SPM, berumur lebih 50 tahun, telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dan 60 peratus Anggota Lembaga koperasi yang dikaji tidak menghadiri kursus pada tahun yang dikaji, koperasi memerlukan generasi muda dan profesional yang kompeten untuk berkhidmat dengan koperasi bagi membawa koperasi keluar dari kepompongnya

hari ini supaya kehadiran koperasi dapat berdaya saing dan berdaya tahan. Walaupun kajian Nurizah at el (2006) menunjukkan keberkesanan program latihan sangat bergantung kepada keinginan peserta kursus itu sendiri untuk mengikuti latihan, pihak yang berkaitan khususnya MKM perlu menggandakan usaha bagi menarik minat Anggota Lembaga untuk menghadiri program latihan yang disediakan. Latihan yang disediakan perlu mampu membuka minda Anggota Lembaga koperasi untuk mentadbir koperasi seperti mana usahawan mengurus perniagaannya. Analisa keperluan latihan yang lebih praktikal perlu dilakukan bagi mengenal pasti jurang yang perlu diisi bagi membolehkan Anggota Lembaga dapat memainkan peranan yang lebih berkesan sesuai dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Sebagaimana kakitangan kerajaan diwajibkan mengikuti latihan selama 7 hari dalam satu tahun, ada baiknya Anggota Lembaga koperasi turut dikenakan arahan yang sama. Kursus atau latihan yang diikuti perlu disenaraikan dalam laporan Lembaga untuk dibentangkan kepada anggota dalam mesyuarat agung tahunan koperasi. Anggota Lembaga juga perlu membincangkan agenda latihan dan pendidikan anggota dalam setiap mesyuarat Lembaga yang diadakannya. Walaupun agenda ini ada dinyatakan dalam fasal 41 berkaitan urusan mesyuarat Lembaga tetapi realitinya Anggota Lembaga koperasi tidak ambil peduli akan perkara ini. Ini dibuktikan oleh kajian ini di mana 60 peratus sahaja Anggota Lembaga mengikuti kursus.

Kaedah latihan di mana koperasi menghantar seorang dua wakil adalah kurang efektif. Khususnya kursus seperti perancangan strategik. Agak sukar dua tiga orang yang mengikuti kursus tersebut dapat mempengaruhi keputusan lembaga yang lain. Sehubungan itu, MKM perlu mengubah pendekatan dengan turun padang memberi latihan secara fokus kepada satu-satu koperasi sahaja dengan menitik beratkan 'output' dan 'outcome' yang sepatutnya dilihat selepas kursus berakhir. Pendekatan ini dilihat boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada koperasi terpilih untuk lebih berdaya saing dan berdaya tahan di samping mempraktikkan amalan tadbir urus koperasi yang lebih baik lagi.

5.4 CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

5.4.1 Kajian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi peningkatan sumbangan anggota terhadap dana koperasi

Kajian ini menunjukkan koperasi bergantung 83 peratus kepada sumber dana dari sumber dalaman, adalah dicadangkan kajian seterusnya dilakukan dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan sumber dana dalaman koperasi dalam kalangan anggota. Kajian untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan sumbangan anggota terhadap dana tersebut. Faktor penarik dan penolak ini boleh dijadikan panduan oleh Anggota Lembaga khususnya koperasi baru yang agak sukar untuk mengumpul dana bagi membiayai aktiviti selaras dengan nilai koperasi iaitu bertanggungjawab terhadap diri sendiri di samping melibatkan anggota dalam kegiatan ekonomi koperasi. Penemuan kajian ini boleh memberi input kepada koperasi dan agensi yang terlibat dengan koperasi untuk memainkan peranan mereka bagi meningkatkan sumber kewangan koperasi selaras dengan nilai, prinsip dan falsafah koperasi.

5.4.2 Kajian mengenal pasti faktor yang mempengaruhi mobilisasi dana koperasi

Kajian exploratori yang dijalankan telah menunjukkan kecenderungan koperasi menggunakan dana mereka untuk membiayai aktiviti koperasi. Bagaimanapun persoalan mungkin timbul apakah faktor yang mempengaruhi Lembaga untuk memobilisasikan dana koperasi untuk membiayai aktiviti ekonomi koperasi agar menjana keuntungan yang lebih besar lagi. Sekiranya faktor yang boleh memberi motivasi kepada lembaga dan koperasi ini dikenal pasti, kajian tersebut akan dapat membantu koperasi untuk transformasi koperasi mereka setingkat lagi kepada koperasi yang mampu memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara.

5.4.3 Kajian kesan penggunaan dana TMP terhadap kejayaan koperasi

Kajian masa hadapan berhubung keberkesanan Tabung Modal Pusingan JPK boleh dilakukan dengan memberi fokus kepada kesan penggunaan dana ini terhadap pembangunan dan kejayaan koperasi serta mengapa koperasi lebih cenderung mendapat sumber dana luaran dari bank berbanding dari tabung ini. Pengkaji berpendapat jika koperasi bertukar kecenderungan dari terlalu bergantung kepada bank untuk mendapat sumber dana luaran kepada TMP JPK, penemuan 10 peratus koperasi yang menggunakan tabung ini akan berubah di mana dari kajian ini juga menunjukkan bilangan koperasi yang menggunakan tabung ini turut meningkat sepanjang tempoh kajian. Kesan penggunaan dana yang diperoleh melalui kajian tersebut terhadap kejayaan koperasi akan mendedahkan kecekapan pengurusan dana koperasi yang menggunakan dana TMP boleh dijadikan model untuk dikongsi sama dengan koperasi lain yang menggunakan dana ini.

BIBLIOGRAFI

Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan (hingga 25hb Januari 2003), (2003).

Kuala Lumpur : International Law Book Services.

A Ghani Othman (1980). Mobilisation and Investment of Funds for Cooperative Development in Malaysia in *ASEAN Coperative Organization Conference 16-20 March 1980*. Manila.

Answer (2006). Definition. *Internet* www.answer.com/topic/circulate

Eugene F, Brigham (1998), *Fundamentals of Financial Management* Seventh Edition, Dryden Press

Garis Panduan Penyeliaan Koperasi (2005). Kuala Lumpur : Jabatan Pembangunan Koperasi.

Hasniza Mohd Taib (2006), Sources and Utilization of Fund Among SMEs in *The Malaysian Finance Associations 8th Annual Conference 8-9th May 2006*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah.

Henny Kurnaeni Srinita, Zakaria Yahya (1996). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Anggota Menyimpan Wang di Koperasi Wanita dalam *Seminar Isu-Isu Global Dalam Ekonomi Pengurusan* pada 12-13 Nov 1996. Bangi : UKM.

Indar Kaur et al (2005), Kajian Kedudukan Tenaga Kerja dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Kakitangan Gerakan Koperasi di Malaysia, *Monograf*, Petaling Jaya : Maktab Kerjasama Malaysia.

James R Walker, *Co-operatives and Equity, Lessons from the capital markets*

James C. Van Horne (1987), *Asas Pengurusan Kewangan* (Terjemahan) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

J.D. Von Pischke (1996), *FAO Cooperative Finance Consultant, Capital Formation in Agricultural Cooperatives in Developing Countries: Research Issues, Findings and Policy Implication for Cooperatives and Donors, Summary of an analytical paper.*

Kamus Dewan (2005), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krishan K. Taimni (2000), *Cooperative in Asia, from reform to reconstruction.* International Labour Office Geneva.

Ng Swon Ba (Julai 2002), *Laporan Kajian Sumber Modal digunakan oleh Koperasi untuk Berkembang dan Membangun di Malaysia dalam WAWASAN.* Kuala Lumpur : Jabatan Pembangunan Koperasi

Ng Swon Ba (Apr 2002), *Problem of Financing the Growth of Cooperative in Malaysia Master's Thesis, University of Leicester UK.*

Nurizah Noordin et al (2006), *Kajian Persepsi Keberkesanan Program latihan MKM, Petaling Jaya : Maktab Kerjasama Malaysia*

Margaret Lund (2000), *Italy's Co-ops Draw Strong Public Support*

Mohd Fauzi Mohd jani (2000). *Cooperatives in Malaysia: Challenges and Strategies for Competitiveness and Community Development in First ASEAN Co-operative Research Conference 24-25 June 2000.* Singapore

Samuel C. Chukwu (1992), *Ekonomi Perusahaan Perniagaan Koperasi* (Edisi Bahasa Malaysia). Kuala Lumpur : Friedrich Ebert Stiftung

Sistem Penarafan Dalaman Koperasi FLAME-T (2006). Kuala Lumpur : Jabatan Pembangunan Koperasi.

Shenoy, G V & Mohamed Sulaiman (1994), Performances and Management Practices of Cooperatives in Malaysia in *Malaysian Management Review*, Kelana Jaya : MIM.

Visi Misi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2009), Kuala Lumpur: SKM

KAJIAN SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KOPERASI

Kajian ini menunjukkan kecenderungan koperasi menggunakan dana untuk membiayai pelaburan aset berbanding aktiviti ekonomi lain khususnya bagi koperasi fungsi perladangan, perumahan, pengguna dan pengangkutan. Sepanjang tempoh kajian, didapati penggunaan dana untuk perbelanjaan aktiviti adalah berkurangan berbanding penggunaan untuk pelaburan aset yang meningkat tetapi tidak begitu ketara. Selain itu, bilangan koperasi yang melabur dalam pembelian aset tetap juga telah meningkat dengan nisbah pulangan atas aset menunjukkan pulangan yang tinggi. Ini menandakan bahawa koperasi dapat menghasilkan pulangan yang tinggi untuk setiap ringgit pelaburan dalam aset koperasi. Kajian ini juga menunjukkan majoriti pulangan tertinggi dari penggunaan dana tertumpu kepada aktiviti kontrak, perumahan dan perladangan. Bagaimanapun pulangan paling tinggi adalah dari aktiviti perladangan diikuti kontrak dan perkhidmatan. Sementara pembahagian keuntungan pula majoriti koperasi membahagikan keuntungannya untuk memberi dividen syer kepada anggota diikuti honorarium kepada Lembaga dan pembahagian kumpulan wang anggota. Bagaimanapun pengagihan dividen yuran merupakan peruntukan pembahagian keuntungan terbesar sehingga ada koperasi yang memperuntukkan lebih RM100 ribu untuk pemberian dividen ini.



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Maktab Koperasi Malaysia,
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 603-7964 9000 Faks: 603-7957 0434
Email: mkm@mkm.edu.my